



LAPORAN TAHUNAN

JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN MALAYSIA

2025



LAPORAN TAHUNAN 2025



JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN MALAYSIA

© Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia, [2025].

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam bentuk atau dengan sebarang apa alat jua pun, sama ada dengan cara elektronik, fotokopi, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada penerbit.

Diterbitkan oleh

Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia
(Kementerian Sumber Malaysia)
Aras 9, Blok Setia Perkasa, Kompleks Setia Perkasa,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62530 W.P.Putrajaya
Tel: 03-8886 5460
Faks: 03-8889 2355
Emel: jppm@mohr.gov.my
Laman web: jpp.mohr.gov.my

Kandungan

BAB 1	PROFIL KORPORAT JABATAN	1	BAB 5	LAPORAN EKSKLUSIF	23
1)	Visi	2	1)	Program IR Nite	24
2)	Misi	2	2)	Perasmian <i>Industrial Relations Information System (IRIS)</i>	27
3)	Objektif	2	3)	<i>Labour Dispute Prevention & Resolution System (LDPRS)</i>	29
4)	Fungsi	2	4)	Lawatan Penanda Aras Luar Negara	31
5)	Piagam Pelanggan	3	5)	Perasmian Bangunan Baharu JPPM Pulau Pinang	37
BAB 2	TADBIR URUS	5	6)	Penghargaan Khas: Menyanjung Budi, Menjunjung Bakti	38
1)	Pengurusan Tertinggi	6	BAB 6	PENGUATKUASAAN	39
2)	Carta Organisasi	8	1)	Pengendalian Pertikaian Perusahaan	40
3)	Bahagian Ibu Pejabat	10	2)	Pengendalian Kes Pemulihan Kerja	41
4)	Pengarah JPP Negeri	12	BAB 7	PERUNDANGAN	45
BAB 3	SEKILAS FAKTA PENCAPAIAN 2025	15	1)	Undang-Undang Pekerja Gig 2025	46
BAB 4	UNDANG-UNDANG, DASAR DAN PIAWAIAN PERBURUHAN ANTARABANGSA	19	2)	Kertas Siasatan	47
1)	Undang-undang yang dikuatkuasakan	20	3)	Semakan Kehakiman	48
2)	Piawaian Perburuhan Antarabangsa	21	BAB 8	PROMOSI	51
			1)	Pelan Tindakan Keharmonian Perusahaan Nasional (PETIK)	52
			2)	<i>Industrial Harmony Index Self Assessment (IHI SA)</i>	53
			3)	<i>Productivity-Linked Wage Systems (PLWS)</i>	54

BAB 9	PENDIGITALAN & PEMODENAN PERKHIDMATAN	59	BAB 12	PENGIKTIRAFAN	77
	1) IRIS	60		1) Anugerah Pejabat Terbaik 2025	78
	2) Portal Jabatan	62		2) Anugerah Persidangan Pegawai Perhubungan Perusahaan 2025	79
	3) <i>Hands-on System IRIS (HOS)</i>	63		3) Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2025	80
BAB 10	PERANCANGAN STRATEGIK JABATAN	65	BAB 13	JPPM DI ARENA GLOBAL	81
	1) Pencapaian Pelan Strategik Jabatan 2021-2025	66		1) <i>International Labour Conference (ILC)</i>	82
	2) Pembangunan Pelan Strategik Keharmonian Perusahaan 2026 - 2030	67		2) Lawatan Penandaarasan ke Australia	83
	3) Prestasi Penyampaian Perkhidmatan JPPM Tahun 2025	68		3) Kerjasama dengan <i>International Labour Organization (ILO)</i>	84
	4) Reformasi Karenah Birokrasi (RKB)	69		4) Kerjasama dengan Institusi Pengajian Tinggi	85
	5) Persidangan Pegawai-Pegawai 2025	69		AKTIVITI PEJABAT JPP NEGERI	89
	6) Kajian Separuh Penggal 2025	70		MEMOIR	99
	7) Persidangan Pengarah-Pengarah JPPM 2025	71		DIREKTORI PEJABAT-PEJABAT JPPM	103
BAB 11	PENGURUSAN ORGANISASI & PEMBANGUNAN MODAL INSAN	73		SIDANG REDAKSI	104
	1) Pengurusan Kewangan	74			
	2) Latihan Pembangunan Modal Insan	75			



TITIPAN BICARA KETUA PENGARAH



TITIPAN BICARA KETUA PENGARAH

“JPPM terus
**memperkukuh
peranan
strategiknya**
dalam memastikan
keharmonian dan
keadilan industri
sentiasa terpelihara.”

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT atas limpah kurnia dan izin-Nya, Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM) berjaya menerbitkan Laporan Tahunan bagi tahun 2025.

Sepanjang tahun 2025, JPPM telah mendepani perubahan signifikan dalam landskap perburuan yang dipacu oleh perkembangan teknologi digital dan pertumbuhan ekonomi gig. Bagi menangani dinamika hubungan antara majikan dan pekerja yang semakin kompleks, JPPM terus memperkukuh peranan strategiknya dalam memastikan keharmonian dan keadilan industri sentiasa terpelihara. Iltizam ini diterjemahkan melalui penyelesaian kes yang efisien serta pelaksanaan inisiatif

yang memastikan kestabilan hubungan antara majikan, pekerja, dan kesatuan sekerja.

Sebagai pemangkin transformasi, JPPM memperkasa agenda pendigitalan melalui pembangunan sistem IRIS dan penerokaan Kecerdasan Buatan (AI) untuk meningkatkan kecekapan pengurusan serta ketepatan analisis data. Selain pemodenan sistem, pembangunan modal insan yang kompeten dan berintegriti tetap menjadi tunjang utama bagi memastikan perkhidmatan jabatan kekal relevan dan diyakini oleh pemegang taruh.

Melangkah ke hadapan, Pelan Strategik JPPM 2026–2030 akan menjadi pemacu utama dalam mentransformasikan jabatan menjadi institusi yang lebih menyeluruh dan berimpak tinggi. Dengan pendekatan yang berasaskan data, JPPM komited untuk meningkatkan keyakinan pemegang taruh serta menyumbang kepada kemakmuran ekonomi negara secara mampan dan inklusif.

Saya seterusnya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga JPPM serta semua pihak yang telah memberikan kerjasama dan sokongan dalam merealisasikan segala perancangan tahun 2025. Semoga laporan ini dapat menjadi rujukan yang bermanfaat serta mencerminkan hala tuju jabatan dalam memperkukuh sistem perhubungan perusahaan negara ke arah masa depan yang lebih mampan dan inklusif.

Sekian, terima kasih.

Ketua Pengarah

Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia



BAB 1 PROFIL KORPORAT JABATAN

- Visi
- Misi
- Objektif
- Fungsi
- Piagam Pelanggan



VISI

Peneraju Keharmonian Perhubungan Perusahaan Negara.



MISI

Memartabatkan hubungan perusahaan yang kondusif dan harmoni untuk mencapai kesejahteraan negara.



OBJEKTIF

Memupuk dan memelihara perhubungan yang adil dan harmoni di antara majikan, pekerja dan kesatuan sekerja.

FUNGSI JPPM



Bertanggungjawab dalam pentadbiran dan penguatkuasaan peruntukan Akta Perhubungan Perusahaan 1967 dan peraturan-peraturan di bawahnya.



Menjalankan siasatan terhadap aduan atau isu berkaitan perhubungan perusahaan sebelum merujuk kes ke peringkat Mahkamah Perusahaan, sekiranya rundingan damai gagal.



Mengendalikan tuntutan pengiktirafan kesatuan dan memudahkan cara proses perundingan kolektif.



Memperkuh hubungan tripartit melalui platform dialog sosial antara kerajaan, majikan, pekerja dan kesatuan sekerja bagi memelihara ekosistem perhubungan perusahaan yang harmoni.



Menyediakan khidmat rundingan dan pendamaian bagi mencegah dan menyelesaikan pertikaian perusahaan termasuk pemulihan kerja dan tindakan perusahaan.



Membudayakan mekanisme perundingan di antara majikan, pekerja dan kesatuan sekerja.



Mempromosi program lonjakan upah bagi meningkatkan produktiviti dan daya saing negara.



Menyediakan input dan memberi konsultasi berkaitan perhubungan perusahaan di peringkat nasional dan antarabangsa.



Memantau dan menganalisis perkembangan perhubungan perusahaan negara dan mengukur tahap keharmonian perusahaan melalui Indeks Keharmonian Perusahaan.



Membangunkan kepakaran perhubungan perusahaan melalui advokasi, pendidikan, promosi, tindakan pencegahan dan pembetulan.



Mengoptimumkan penyampaian perkhidmatan jabatan melalui pendigitalan dan pengurusan data serta kecekapan tadbir urus.

PIAGAM PELANGGAN

Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia yang dipertanggungjawabkan untuk mewujudkan suasana perhubungan perusahaan yang positif dan harmoni di antara majikan, pekerja dan kesatuan sekerja mereka demi mengekalkan iklim pelaburan dan kesejahteraan pekerja dengan ini memberi pengakuan untuk:

1



Memberi layanan sewajarnya kepada setiap representasi atau aduan yang diterima daripada pekerja, majikan dan kesatuan sekerja.

2



Meningkatkan kesedaran mengenai hak dan obligasi dibawah Akta Perhubungan Perusahaan 1967 dan Peraturan-Peraturannya kepada pelanggan.

3



Memberikan perkhidmatan runding damai dengan adil dan saksama.

4



Bertindak serta-merta tanpa prasangka ke atas semua tindakan perusahaan seperti piket, mogok dan tutup pintu dan lain-lain.

5



Memberi khidmat nasihat kepada para pelanggan dengan prihatin dan kemesraan.

6



Memberi maklumbalas kepada setiap representasi, aduan dan kes pertikaian perusahaan dalam tempoh 3 hari dari tarikh penerimaan.

7




Memproses dan menyelesaikan tuntutan pengiktirafan mengikut peruntukan undang-undang dan peraturan setelah semua dokumen lengkap diterima.

8



Memulakan siasatan terhadap sebarang aduan berkenaan pelanggaran peruntukan dibawah Akta Perhubungan Perusahaan 1967 bagi tujuan penguatkuasaan undang-undang dalam tempoh 14 hari dari tarikh aduan diterima.



A photograph of a modern office interior. In the foreground, two ergonomic office chairs with wooden backs and metal bases are positioned. In the background, a desk holds a laptop and a small decorative object. Large floor-to-ceiling windows on the right side of the frame offer a view of a cityscape under a clear sky. The ceiling features a grid of recessed lights and ventilation ducts. A semi-transparent dark red banner is overlaid on the bottom half of the image, containing the chapter title and list.

BAB 2 | TADBIR URUS

- Pengurusan Tertinggi
 - Carta Organisasi
- Bahagian Ibu Pejabat
- Pengarah JPP Negeri

PENGURUSAN TERTINGGI

TADBIR URUS



1

**Aminuddin bin
Ab Rahman**
Ketua Pengarah

2

**Mas Rahainun binti
Abdul Gaffar**
Pengarah Bahagian
Khidmat Pengurusan

3

**Normawati binti
Ahmad**
Pengarah Bahagian Perancangan
& Penyelidikan Dasar



4

**Meriam binti
Mohd Noor**
Timbalan Ketua
Pengarah

jpp.mohr.gov.my

5

**Zainab binti
Kamar**
Pengarah Bahagian
Perundangan

6

**Rodzilah binti
Mohd Anoar**
Pengarah Bahagian
Keharmonian Perusahaan

7

Dedua Anak Taim @ Tiam
Pengarah Bahagian Pemulihan
Kerja & Pengurusan
Rundingan Damai

CARTA ORGANISASI



AMINUDDIN BIN AB RAHMAN
KETUA PENGARAH
PPP JUSA C



MERIAM BINTI MOHD NOOR
TIMBALAN KETUA PENGARAH
PPP S14



NORMAWATI BINTI AHMAD
PENGARAH
BAHAGIAN PERANCANGAN & PENYELIDIKAN DASAR
PPP GRED S13



DEDUA ANAK TAIM @ TIAM
PENGARAH
BAHAGIAN PEMULIHAN KERJA & PENGURUSAN RUNDINGAN DAMAI
PPP GRED S13




KOSONG
PENGARAH
BAHAGIAN PERTIKAIAN PERUSAHAAN
PPP GRED S13



SURAIYA CH'NG BINTI ABDULLAH
PENGARAH
JPP SELANGOR
PPP GRED S13



SAADIAH BINTI SAAD
PENGARAH
JPP PULAU PINANG
PPP GRED S13



DR BALASUBRAMANIAM A/L A. TARUMARAJA
PENGARAH
JPP PERAK
PPP GRED S13



ROHIZAH BINTI MOHAMAD RAZALI
PENGARAH
JPP PAHANG
PPP GRED S12



NOR ZULHILMIE BIN MOHD SALLEH
PENGARAH
JPP KEDAH/PERLIS
PPP GRED S12



JOHANA BINTI BAKAR
PENGARAH
JPP NEGERI SEMBILAN
PPP GRED S12



SHUHaida BINTI KASSIM
PENGARAH
JPP SABAH
PPP GRED S12

HASLINDA BINTI HASHIM
PEMBANTU SETIAUSAHA PEJABAT
GRED N6

HERLINA BINTI LATIFF
SETIAUSAHA PEJABAT
GRED N6



**MOHD FARID HUZAIMI BIN
MOHD BADERUDIN**
PENASIHAT UNDANG-UNDANG
JABATAN
PEGAWAI UNDANG-UNDANG
PUU GRED L10



**MAS RAHAINUN BINTI
ABDUL GAFFAR**
PENGARAH
BAHAGIAN KHIDMAT
PENGURUSAN
PTD GRED M12



ZAINAB BINTI KAMAR
PENGARAH
BAHAGIAN PERUNDANGAN
PPP GRED S12



**RODZILAH BINTI
MOHAMAD ANOAR**
PENGARAH
BAHAGIAN KEHARMONIAN
PERUSAHAAN
PPP GRED S12



KOSONG
PENGARAH
JPP W.P. KUALA LUMPUR
PPP GRED S13



KOSONG
PENGARAH
JPP JOHOR
PPP GRED S13



ROSLI BIN JANTAN
PENGARAH
JPP MELAKA
PPP GRED S12



**MOHD NASIR BIN
AB RAJAB**
PENGARAH
JPP TERENGGANU
PPP GRED S12



SALMA BINTI MOHD NOR
PENGARAH
JPP KELANTAN
PPP GRED S12



**NUR HUDA BINTI
MOHAMMAD IMRAN**
PENGARAH
JPP SARAWAK
PPP GRED S12



**AISYAH RADZIAH BINTI
MOHD MANOR**
PENOLONG
PENGARAH KANAN
JPP MUAR
PPP GRED S10



**NOR ADURAWATI BINTI
MOKTAR**
PENOLONG
PENGARAH KANAN
JPP KLUANG
PPP GRED S10

PETUNJUK

PPP – PEGAWAI PERHUBUNGAN PERUSAHAAN
PTD – PEGAWAI TADBIR & DIPLOMATIK
PUU – PEGAWAI UNDANG-UNDANG

BAHAGIAN IBU PEJABAT

Bahagian Pertikaian Perusahaan



Bahagian ini bertanggungjawab untuk merancang, mengurus dan memantau kes-kes dan isu-isu berkaitan pengiktirafan, pertikaian dan tindakan perusahaan serta perjanjian kolektif di bawah Akta 177.

Terdapat tiga (3) unit di bawah Bahagian ini iaitu:

- Unit Pengiktirafan;
- Unit Pertikaian & Tindakan Perusahaan; dan
- Unit Perjanjian Kolektif.

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar

Bahagian ini bertanggungjawab untuk merancang, menyelaraskan dan memantau hala tuju Jabatan melalui mekanisme perancangan strategik yang diterjemahkan kepada sasaran kerja tahunan Jabatan, bagi menentukan pencapaian yang cemerlang.

Terdapat dua (2) unit di bawah Bahagian ini iaitu:

- Unit Penyelidikan Dasar; dan
- Unit Perangkaan, Analisa & Penerbitan.



Bahagian Pemulihan Kerja & Pengurusan Rundingan Damai



Bahagian ini bertanggungjawab untuk merancang, menyelaraskan dan memantau aktiviti-aktiviti berhubung kes representasi pemulihan kerja di bawah Seksyen 20, Akta 177.

Terdapat dua (2) unit di bawah Bahagian ini iaitu:

- Unit Representasi Pemecatan; dan
- Unit Penyelaras Bantuan & Operasi.

Bahagian Khidmat Pengurusan



Bahagian ini bertanggungjawab untuk merancang, menyelaraskan, memantau dan mengurus hal ehwal khidmat pengurusan Jabatan merangkumi pengurusan sumber manusia, kewangan, perolehan, aset dan pentadbiran am Jabatan.

Terdapat tiga (3) cawangan di bawah Bahagian ini iaitu:

- Cawangan Pentadbiran;
- Cawangan Pengurusan Sumber Manusia; dan
- Cawangan Kewangan & Aset.

Bahagian Perundangan



Bahagian ini bertanggungjawab untuk merancang, mengurus dan menjalankan pelaksanaan undang-undang yang berkaitan dengan keharmonian perusahaan.

Terdapat dua (2) unit di bawah Bahagian ini iaitu:

- Unit Siasatan dan Pendakwaan; dan
- Unit Semakan Kehakiman dan Undang-Undang.

Bahagian Keharmonian Perusahaan



Bahagian ini bertanggungjawab untuk merancang dan memantau aktiviti-aktiviti yang mempromosikan keharmonian perusahaan serta publisiti Jabatan.

Terdapat dua (2) unit di bawah Bahagian ini iaitu:


- Unit Keharmonian; dan
- Unit Promosi dan Publisiti.

PENGARAH JPP NEGERI



**SURAIYA CH'NG
ABDULLAH**

Pengarah
JPP Selangor



**SAADIAH
BINTI SAAD**

Pengarah
JPP Pulau Pinang



**DR. BALASUBRAMANIAM
A/L A. TARUMARAJA**

Pengarah
JPP Perak



**ROHIZAH BINTI
MOHD RAZALI**

Pengarah
JPP Pahang



**NOR ZULHILMIE
BIN MOHD SALLEH**

Pengarah
JPP Kedah/Perlis



**JOHANA
BINTI BAKAR**

Pengarah
JPP Negeri Sembilan



**SHUHaida
BINTI KASSIM**

Pengarah
JPP Sabah



**ROSLI
BIN JANTAN**

Pengarah
JPP Melaka



KOSONG

Pengarah
JPP Wilayah Persekutuan
Kuala Lumpur



KOSONG

Pengarah
JPP Johor



**MOHD NASIR
BIN AB. RAJAB**

Pengarah
JPP Terengganu



**SALMA BINTI
MOHD NOR**

Pengarah
JPP Kelantan



**NUR HUDA BINTI
MOHAMMAD IMRAN**

Pengarah
JPP Sarawak



A photograph of a modern office interior. In the foreground, two ergonomic office chairs with wooden backs and metal bases are positioned. In the background, a desk with a laptop and other office equipment is visible. Large windows on the right side of the frame offer a view of a cityscape. The ceiling features a grid of recessed lights. A semi-transparent dark red banner is overlaid at the bottom of the image, containing the chapter title in white and orange text.


BAB 3 SEKILAS FAKTA PENCAPAIAN 2025

SEKILAS FAKTA PENCAPAIAN 2025


PENCAPAIAN KPI JPPM




Peratus Penyelesaian Pengendalian
Tuntutan Pengiktirafan



Peratus Penyelesaian Pengendalian
Pertikaian Perusahaan



Peratus Penyelesaian Pengendalian
Perjanjian Bersama



Peratus Penyelesaian
Tindakan Perusahaan



Peratus Penyelesaian
Representasi
Pemulihan Kerja

83%

Peratus Penyelesaian
Representasi
Pemulihan Kerja
Melalui Rundingan
Damai



RM80,084,998.25
Bayaran Ex Gratia



Pencapaian *Productivity Linked
Wages System (PLWS)*

106, 087

Majikan Melaksanakan PLWS


7,002,969

Pekerja yang Menikmati
Faedah PLWS

PENCAPAIAN KPI JPPM

AKTIVITI	SASARAN	PENCAPAIAN
 Penyelesaian Kes Representasi Pemulihan Kerja Di Bawah Seksyen 20, Akta Perhubungan Perusahaan 1967 [Akta 177]	77%	83%
 Penyelesaian Kes Perjanjian Kolektif (<i>Collective Agreement</i>) di bawah Seksyen 13 Akta 177	77%	85%
 Penyelesaian Kes Pertikaian Perusahaan (<i>Trade Dispute</i>) di bawah Seksyen 18 Akta 177	77%	78%
 Penyediaan Laporan Semakan Kehakiman	95%	100%
 Peratus Perbelanjaan mengurus sebenar tahun 2025 berbanding peruntukan (OE)	92%	103%
 Peratus Perbelanjaan pembangunan sebenar tahun 2025 berbanding peruntukan (DE)	92%	100%
 Konsultasi Dengan Pemegang Taruh (<i>Stakeholders</i>)	3,400 konsultasi	3600 Konsultasi



A photograph of a modern office interior. In the foreground, there is a wooden desk with a laptop and some papers. Behind the desk, there are two office chairs. The background features large windows that look out onto a cityscape. The ceiling has a grid pattern with recessed lights. The overall lighting is bright and natural, coming from the windows.

BAB 4

UNDANG-UNDANG, DASAR DAN PIAWAIAN PERBURUHAN ANTARABANGSA

- Undang-undang yang dikuatkuasakan
- Piawaian Perburuhan Antarabangsa



UNDANG-UNDANG YANG DIKUATKUASAKAN, DASAR & PIAWAIAN ANTARABANGSA

UNDANG-UNDANG YANG DIKUATKUASAKAN

UNDANG-UNDANG YANG DIKUATKUASAKAN



Akta Perhubungan
Perusahaan 1967 [Akta 177]



Peraturan-Peraturan
Perhubungan Perusahaan
(Pindaan) 2024

UNDANG-UNDANG DAN DASAR YANG BERKAITAN



Akta Kerja 1955 [Akta 265]



Akta Kesatuan Sekerja 1959
[Akta 262]



Ordinan Buruh Sabah
(*Sabah Bab. 67*)



Ordinan Buruh Sarawak
(*Sarawak Bab. 76*)



*Code of Conduct for
Industrial Harmony*

PIAWAIAN PERBURUHAN ANTARABANGSA

Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM) sentiasa komited dalam menyokong komitmen Malaysia terhadap pematuhan piawaian perburuhan antarabangsa, khususnya dalam bidang perhubungan perusahaan, kebebasan berpersatuan, rundingan bersama, dialog sosial dan keharmonian industri. Melalui fungsi pengiktirafan kesatuan sekerja, runding damai, penyelesaian pertikaian perusahaan serta pengukuhan amalan tripartisme, JPPM terus menyumbang kepada pembentukan ekosistem perhubungan perusahaan yang adil, harmoni dan selaras dengan prinsip Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) yang berkaitan.







BAB 5 LAPORAN EKSKLUSIF

- Program IR Nite
- Perasmian IRIS
 - LDPRS
- Lawatan Penanda Aras Luar Negara
- Perasmian Bangunan Baharu JPPM Pulau Pinang
- Penghargaan Khas: Menyanjung Budi, Menjunjung Bakti

LAPORAN EKSKLUSIF

PROGRAM IR NITE

► ANUGERAH SYARIKAT HARMONI 2025

Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM) telah berjaya menganjurkan program berprestij Anugerah Syarikat Harmoni 2025 yang diadakan sempena IR NITE (*National Industrial Harmony Tripartite Event*). Program yang bertemakan “*Mencorak Masa Hadapan Dengan Keharmonian Perusahaan*” ini telah berlangsung selama dua hari iaitu pada 26 dan 27 Mei 2025 bertempat di Hotel Impiana KLCC, Kuala Lumpur.

► PROSES PEMILIHAN DAN PENJURIAN

Pemilihan Anugerah Syarikat Harmoni 2025 dilaksanakan secara pertandingan dalam tiga kategori iaitu Perusahaan Besar, Sederhana dan Kecil. Sebanyak 108 penyertaan diterima dari seluruh Malaysia dan melalui proses penilaian yang teliti, 21 syarikat telah dipilih sebagai finalis, dengan 7 syarikat bagi setiap kategori. Finalis dikehendaki membentangkan amalan terbaik hubungan perusahaan serta inisiatif kebajikan pekerja yang menyumbang kepada peningkatan kesejahteraan dan kepuasan kerja.

Penganjuran program ini merupakan salah satu inisiatif strategik Jabatan bagi memenuhi Teras di bawah Skop 2 Pelan Tindakan Keharmonian Perusahaan (PETIK) yang memfokuskan terhadap pengiktirafan kepada hal-hal yang berkaitan Keharmonian Perusahaan dan Sistem Upah yang Dikaitkan dengan Produktiviti (PLWS).

Penganjuran Program Anugerah Syarikat Harmoni 2025 bertujuan memberi pengiktirafan rasmi kepada syarikat-syarikat yang mempamerkan kecemerlangan dalam amalan hubungan perusahaan.

Juri

Bagi mengadili pembentangan oleh finalis, Jabatan telah melantik seramai lima (5) orang pakar di dalam bidang perhubungan perusahaan sebagai Panel Juri seperti berikut:

1. **En. Aminuddin bin Ab Rahaman (Ketua Juri)**
 - Timbalan Ketua Pengarah, JPPM
2. **Cik Normawati binti Ahmad**
 - Pengarah, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar, JPPM
3. **Dr. R. Usha Devi**
 - Pengurus Besar, *Malaysian Employers Federation (MEF)*
4. **Tn. Hj. Mohd Effendy bin Abdul Ghan**
 - Presiden, *Union of Postal Clerical Worker (UPCW)*
5. **Dr. Suriani Ismail**
 - Pensyarah, Universiti Putra Malaysia

► RINGKASAN PENGISIAN PROGRAM

Program Anugerah Syarikat Harmoni 2025 merangkumi sesi pembentangan dan penjurian pada 26 Mei 2025 yang melibatkan 21 syarikat finalis dengan penyertaan seramai 42 wakil majikan. Finalis membentangkan amalan terbaik syarikat sebelum panel juri membuat penilaian dan memuktamadkan keputusan pemenang.

Kemuncak program ialah Majlis Makan Malam dan Penyampaian Anugerah pada 27 Mei 2025 yang dihadiri kira-kira 200

peserta, termasuk wakil kerajaan, majikan, kesatuan sekerja, agensi dan media. Majlis telah dirasmikan oleh Datuk Azman Mohd Yusof, Ketua Setiausaha KESUMA, yang turut menyampaikan anugerah kepada para pemenang dan finalis.

Pada majlis yang sama, JPPM turut melancarkan Skor Indeks Keharmonian Industri (IHI) Nasional 2024 yang mencatatkan 83.6% (Tahap Baik), meningkat berbanding 78.9% pada tahun 2022, sekali gus mencerminkan peningkatan tahap keharmonian perusahaan di Malaysia.

► PEMENANG

Sebanyak sembilan (9) syarikat telah dipilih sebagai pemenang utama berdasarkan kategori masing-masing. Para pemenang menerima hadiah berupa wang tunai mengikut kedudukan, plak, dan sijil yang ditandatangani oleh YB Menteri Sumber Manusia.

KATEGORI	JOHAN (RM10,000)	NAIB JOHAN (RM7,000)	TEMPAT KETIGA (RM5,000)
Perusahaan Besar	TM Technology Services Sdn. Bhd.	ST Microelectronics Sdn. Bhd.	Technocom Systems Sdn. Bhd.
Perusahaan Sederhana	Green Resources Recovery Sdn. Bhd.	Tanah Makmur Berhad	Vio Star International (M) Sdn. Bhd.
Perusahaan Kecil	Ayam Bismi Food Sdn. Bhd.	Hotel Sentral Kuantan Sdn. Bhd.	Bartech Empire Sdn. Bhd.

► IMPAK PROGRAM

Penganjuran Anugerah Syarikat Harmoni 2025 telah mencapai matlamatnya dalam memartabatkan keharmonian perusahaan sebagai teras kemajuan industri negara. Program ini membawa *outcome* dan impak jangka panjang yang signifikan, terutamanya dalam memperkukuh penjenamaan korporat di mana syarikat pemenang diiktiraf sebagai entiti harmoni yang mampu menarik pelabur serta bakat terbaik. Selain itu, program ini memberi impak positif di mana ia memberi motivasi kepada syarikat lain untuk mencontohi amalan terbaik dalam perhubungan perusahaan, sekali gus mengukuhkan kerjasama tripartit antara kerajaan, majikan, dan kesatuan sekerja melalui platform dialog yang inklusif. Ini

membuktikan komitmen JPPM dalam memastikan hubungan tripartit yang mampan demi kesejahteraan ekonomi negara. Secara keseluruhannya, inisiatif Jabatan dalam memberi pengiktirafan kepada syarikat dapat menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara dengan mengurangkan konflik di tempat kerja, yang seterusnya melonjakkan produktiviti serta daya saing industri di peringkat nasional.

► PENJURIAN - SESI PAGI



► PENJURIAN - SESI PETANG



► MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH




PERASMIAN IRIS

► PENGENALAN

Majlis Perasmian *Industrial Relations Information System* (IRIS) dan Bengkel Pengurusan Perubahan IRIS telah diadakan pada 14 hingga 15 Mei 2025 di Pulse Grande Hotel, Putrajaya. Program ini bertujuan memperkenalkan sistem IRIS bagi memperkasakan pengurusan maklumat dan meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan JPPM. Selain memberi pendedahan kepada pegawai mengenai pelaksanaan sistem baharu dan transformasi digital, program ini turut menyaksikan pelantikan Ejen Perubahan IRIS daripada pejabat negeri dan ibu pejabat bagi menyokong pelaksanaan sistem di seluruh negara.

► OBJEKTIF PROGRAM

Antara objektif utama program ini adalah seperti berikut:





► PELAKSANAAN PROGRAM

Program telah berlangsung selama dua hari melibatkan latihan, bengkel pengurusan perubahan, pelancaran sistem IRIS dan sesi *Training of Trainers* (TOT). Antara pengisian utama termasuk Latihan Pelaporan Power BI, penerangan mengenai pelaksanaan dan manfaat sistem IRIS, serta pengukuhan peranan Ejen Perubahan IRIS dalam menyokong transformasi digital jabatan.

Program turut menyaksikan Majlis Perasmian Sistem IRIS dan Majlis Pelantikan Ejen Perubahan IRIS yang melibatkan wakil pejabat negeri dan ibu pejabat. Selain itu, sesi TOT bagi Seksyen 20, Seksyen 8 dan Seksyen 9 telah dilaksanakan bagi meningkatkan kompetensi pegawai dalam penggunaan sistem serta pengendalian kes berkaitan peruntukan undang-undang yang berkaitan.

► IMPAK DAN FAEDAH PROGRAM

Pelaksanaan program ini telah memberi beberapa manfaat penting kepada jabatan, antaranya:

Memberi kefahaman menyeluruh kepada pegawai mengenai pelaksanaan sistem IRIS.

Memperkuhkan kesiapsiagaan organisasi dalam menghadapi transformasi digital jabatan.

Mewujudkan rangkaian Ejen Perubahan IRIS di seluruh negara bagi menyokong pelaksanaan sistem secara lebih efektif.

Meningkatkan keupayaan pegawai dalam penggunaan analisis data dan pelaporan melalui latihan *Power BI*.



LABOUR DISPUTE PREVENTION AND RESOLUTION SYSTEM (LDPRS)

Labour Dispute Prevention and Resolution System (LDPRS) merangkumi aspek pencegahan pertikaian melalui prosedur kilan, perundingan kolektif dan kerjasama di tempat kerja, serta aspek penyelesaian pertikaian melalui mekanisme *Alternative Dispute Resolution (ADR)*. Sejajar dengan syor kajian ILO, JPPM telah melaksanakan pelbagai inisiatif termasuk penganjuran bengkel pembangunan kepakaran rundingan damai, latihan kompetensi pegawai, serta lawatan penandaarasan ke luar negara bagi memperkukuh sistem penyelesaian pertikaian perusahaan.

Usaha ini bertujuan menggalakkan penyelesaian pertikaian di peringkat tempat kerja melalui prosedur kilan yang berkesan sebelum dirujuk kepada JPPM, selaras dengan peruntukan Akta Perhubungan Perusahaan 1967. Melalui inisiatif tersebut, JPPM menyasarkan peningkatan kadar penyelesaian kes melalui rundingan damai daripada purata semasa 60% kepada lebih 80%, setanding dengan amalan negara maju.



Bengkel Penambahbaikan Garis Panduan Pengendalian Kes Representasi Pemulihan Kerja di bawah Seksyen 20 Akta Perhubungan Perusahaan 1967 (Akta 177) telah diadakan pada 25–28 Ogos 2025 di Awana Hotel, Genting Highlands bagi memperkukuh dan menyeragamkan prosedur pengendalian kes representasi pemulihan kerja di peringkat Ibu Pejabat dan Negeri.

Bengkel ini dilaksanakan susulan penemuan naziran tahun 2024 yang menunjukkan ketidakseragaman dalam penggunaan borang, format pelaporan dan proses rundingan damai di beberapa JPP Negeri, di samping keperluan menyelaraskan garis panduan sedia ada dengan pelaksanaan sistem baharu *Industrial Relations Information System (IRIS)*.



Bengkel ini turut merangka penambahbaikan garis panduan dan tatacara pengendalian pegawai (SOP) bagi memastikan pengurusan kes yang lebih sistematik, cekap dan seragam. Inisiatif di bawah Pelan Tindakan Keharmonian Perusahaan (PETIK) ini bertujuan meningkatkan kompetensi pegawai, memperkukuh keharmonian perusahaan serta menyokong usaha mengurangkan konflik perburuhan. Seramai 30 orang terlibat dalam bengkel ini, termasuk pegawai dari JPPM Ibu Pejabat dan JPP Negeri.

► SESI SUMBANG SARAN DALAM KUMPULAN:

Terdapat lima (5) kelas sumbang saran dalam kumpulan. Topik yang menjadi isu perbincangan dan pendebatan dalam kumpulan adalah seperti berikut :

- a. Membincangkan kepentingan penambahbaikan SOP & kenalpasti isu/ perundangan/pembaharuan terkini;

- b. Menyemak draf SOP sedia ada & bump draft kerangka SOP baharu selari dengan isu/pembaharuan terkini;
- c. Mengenalpasti isu terkini perubahan SOP & selarikan dengan kerangka SOP baharu;
- d. Semakan draf SOP baharu dan menyemak dokumen / borang-borang berkaitan (selari dengan IRIS, pekeliling dan isu baharu); dan
- e. Draf SOP dimuktamadkan bagi tujuan pembentangan dan semakan silang.

Peserta dibahagikan kepada lima (5) kumpulan dimana setiap kumpulan mempunyai empat (4) hingga enam (6) orang peserta. Di akhir sesi sumbang saran, sekurangnya seorang wakil daripada setiap kumpulan membentangkan hasil perbincangan dalam kumpulan iaitu berkenaan draf SOP dan Garis Panduan kepada peserta lain.



LAWATAN PENANDA ARAS LUAR NEGARA

► LAWATAN PENANDAARASAN LABOR DISPUTE PREVENTION & RESOLUTION SYSTEM (LDPRS) KE JEPUN PADA 16 HINGGA 20 JUN 2025


Lawatan penandaarasan ke Jepun telah dilaksanakan sebagai usaha strategik JPPM untuk mengkaji amalan terbaik *Labour Dispute Prevention and Resolution System* (LDPRS) serta memperkukuh mekanisme pencegahan dan penyelesaian pertikaian perusahaan di Malaysia. Lawatan ini merupakan sebahagian daripada kerjasama dengan *International Labour Organization* (ILO) di bawah projek *Labour Law and Industrial Relations Reform* bagi meningkatkan keberkesanan sistem penyelesaian pertikaian perusahaan negara.

Inisiatif ini dilaksanakan susulan dapatan kajian ILO yang mendapati penggunaan prosedur kilan di tempat kerja masih kurang berkesan, khususnya dalam kalangan perusahaan kecil dan sederhana (SME). Jepun dipilih sebagai negara penandaarasan kerana kejayaannya dalam mengurus pertikaian individu dan kolektif. Hasil lawatan ini dijangka menyokong pembangunan garis panduan atau dasar berkaitan prosedur kilan secara sukarela sebelum dipertimbangkan untuk diperuntukkan di bawah Akta Perhubungan Perusahaan 1967.

► OBJEKTIF LAWATAN

Lawatan penandaarasan ke Jepun bertujuan memperoleh pemahaman mendalam mengenai *Labour Dispute Prevention and Resolution System* (LDPRS), khususnya berkaitan Kaedah Penyelesaian Pertikaian Alternatif (ADR) dan prosedur kilan di tempat kerja. Fokus utama lawatan adalah mengkaji strategi pencegahan pertikaian perusahaan, mekanisme pengendalian aduan dan ADR, peranan tribunal dan mahkamah dalam penyelesaian pertikaian, serta penglibatan kesatuan sekerja dan organisasi majikan dalam rundingan dan dialog sosial.

Selain itu, lawatan ini bertujuan meneliti penggunaan teknologi digital dalam pengurusan pertikaian perusahaan, memperkukuh pertukaran pengetahuan dan kerjasama dengan institusi berkaitan di Jepun, serta mengenal pasti amalan terbaik yang boleh disesuaikan bagi meningkatkan keberkesanan dan kecekapan sistem penyelesaian pertikaian perusahaan di Malaysia. Mengkaji bagaimana dasar perburuhan atau perhubungan perusahaan di Jepun dirangka untuk memupuk keharmonian perusahaan, menggalakkan pematuhan, dan mencegah berlakunya pertikaian di tempat kerja secara proaktif.





Delegasi Lawatan

Seramai 7 orang pegawai JPPM menyertai delegasi ini yang terdiri daripada 4 orang pegawai ibu pejabat dan 3 orang pegawai daripada JPP Negeri. Pegawai-pegawai yang terlibat adalah seperti berikut:

NO.	NAMA	JAWATAN	PEJABAT
1	Aminuddin bin Ab Rahman (Ketua Delegasi)	Timbalan Ketua Pengarah (S14)	Ibu Pejabat
2	Dedua anak Taim @ Tiam	Pengarah (S13)	Bahagian Pemulihan Kerja & Pengurusan Rundingan Damai, Ibu Pejabat
3	Salma bt Mohd Nor	Pengarah (S12)	Jabatan Perhubungan Perusahaan Kelantan
4	Zun bin Rawi	Ketua Penolong Pengarah (S10)	Bahagian Pemulihan Kerja & Pengurusan Rundingan Damai, Ibu Pejabat
5	Mohd Ridzuan bin Mohamad Johari	Ketua Penolong Pengarah (S10)	Bahagian Perundangan, Ibu Pejabat
6	Noramirah binti Ali	Ketua Penolong Pengarah (S10)	Jabatan Perhubungan Perusahaan WP Kuala Lumpur
7	Harniza binti Sadiman	Ketua Penolong Pengarah (S10)	Jabatan Perhubungan Perusahaan WP Kuala Lumpur

Dalam lawatan ini, khidmat penterjemah (*interpreter*) yang bertauliah telah digunakan bagi memudahkan urusan komunikasi kedua-dua belah pihak. Sehubungan itu khidmat Encik Mohd Khairul Qayyum bin Mohd Katman, yang merupakan warganegara Malaysia yang pernah menuntut di Jepun dan sering digunakan perkhidmatannya sebagai penterjemah telah digunakan.

► LAWATAN KE MINISTRY OF HEALTH, LABOUR AND WELFARE (MHLW) JAPAN



► **LAWATAN PENANDAARASAN
LABOR DISPUTE PREVENTION &
RESOLUTION SYSTEM (LDPRS)
KE KOREA SELATAN PADA
15 HINGGA 19 SEPTEMBER 2025**

Lawatan penandaarasan (*Benchmarking Visit*) ke Korea Selatan adalah salah satu usaha strategik yang bertujuan untuk meningkatkan pemahaman dan penghayatan terhadap sistem penyelesaian pertikaian perusahaan yang berkesan di negara Korea Selatan iaitu *Labour Dispute Prevention and Resolution System* (LDPRS), serta memperkukuhkan mekanisme perundingan dan penyelesaian pertikaian perusahaan di tempat kerja di Malaysia. Lawatan ini juga merupakan sebahagian daripada inisiatif kerjasama (*collaboration*) dengan *International Labor Organisation Malaysia* (ILO) di bawah projek *Labor Law and Industrial Relation Reform* yang bertujuan untuk memperbaiki dan menambahbaik keberkesanan LDPRS dalam landskap perburuhan dan undang-undang perburuhan negara.

Pertikaian perburuhan merupakan aspek yang tidak dapat dielakkan dalam hubungan industri, yang timbul akibat ketidaksefahaman antara majikan dan pekerja berkaitan terma pekerjaan, keadaan kerja, hak serta tanggungjawab masing-masing. Bagi memastikan keharmonian industri dan kestabilan ekonomi, Malaysia telah membangunkan suatu rangka kerja yang tersusun bagi tujuan pencegahan dan penyelesaian pertikaian perburuhan, berteraskan peruntukan undang-undang, mekanisme institusi serta pendekatan penyelesaian pertikaian secara alternatif.

Sistem pencegahan dan penyelesaian pertikaian perburuhan di Malaysia ditadbir terutamanya melalui Akta Perhubungan Perusahaan 1967 (Akta 177), Akta Kerja 1955, Akta Kesatuan Sekerja 1959, dan undang-undang buruh lain yang berkaitan. Perundangan ini menyediakan rangka kerja perundangan bagi menetapkan hak dan tanggungjawab majikan, pekerja serta kesatuan sekerja, di samping merangka mekanisme penyelesaian pertikaian.

► **STRATEGI PENCEGAHAN
PERTIKAIAN**

Strategi pencegahan merupakan komponen penting dalam mengurangkan risiko pertikaian daripada berlaku atau berlarutan. Jabatan memainkan peranan utama dalam memupuk hubungan industri secara proaktif melalui pelbagai inisiatif, antaranya:

Promosi Dialog Sosial dan Tripartisme

Jabatan secara aktif terlibat dalam perbincangan tripartite yang melibatkan kerajaan, majikan dan pekerja dalam merangka dasar serta garis panduan yang dapat mengurangkan konflik di tempat kerja. Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan (NLAC) berfungsi sebagai platform utama bagi rundingan ini, memastikan semua pihak berkepentingan dirujuk sebelum penggubalan dasar utama.

Galakan Perundingan Kolektif Sukarela

Seperti diperuntukkan dalam Seksyen 13 dan 14 Akta 177, perundingan kolektif membolehkan kesatuan sekerja dan majikan merundingkan terma pekerjaan seperti gaji, waktu kerja, dan faedah. Jabatan bertindak sebagai pemudah cara bagi memastikan rundingan berlangsung secara adil dan seimbang, seterusnya mengurangkan risiko pertikaian.

Latihan dan Pembangunan Kapasiti

Jabatan menganjurkan program latihan, seminar dan kesedaran berkaitan hubungan industri, undang-undang pekerjaan, proses penyelesaian pertikaian serta amalan terbaik keharmonian tempat kerja. Inisiatif ini meningkatkan pemahaman majikan dan pekerja terhadap hak dan tanggungjawab masing-masing, sekali gus mencegah salah faham yang boleh mencetuskan konflik.

**Kod Tatakelakuan Bagi Keharmonian
Perusahaan**

Kod ini merupakan garis panduan tidak berkanun yang dibangunkan oleh Kementerian Sumber Manusia bersama wakil majikan dan pekerja. Ia mengandungi



amalan terbaik bagi menyelesaikan aduan di tempat pekerjaan secara aman. Majikan digalakkan mengguna pakai kod ini sebagai langkah pencegahan pertikaian.

Pengendalian Aduan dan Mekanisma Penyelesaian Dalam

Majikan disarankan untuk melaksanakan prosedur pengendalian aduan yang sistematik, termasuk penubuhan jawatankuasa pengantaraan dalaman dan mekanisme penyelesaian pertikaian dalaman sama ada melalui peruntukan dalam Perjanjian Bersama atau polisi syarikat, bagi menangani konflik di peringkat organisasi sebelum dirujuk ke saluran formal.

► OBJEKTIF

Fokus utama lawatan penandaarasan ke Korea Selatan adalah untuk mengkaji amalan terbaik dalam sistem hak

rundingan tunggal (*Sole Bargaining Rights*), pengurusan kepelbagaian kesatuan sekerja, prosedur aduan di tempat kerja, dan kerangka perundingan bersama bagi memperkukuh hubungan perusahaan serta mengurangkan pertikaian industri. Lawatan ini juga bertujuan memahami peranan *Korea Labor Relations Commission* (KLRC) dalam penyelesaian pertikaian secara kehakiman dan separa kehakiman.

Selain itu, lawatan ini meneliti penggunaan teknologi digital dalam pengurusan pertikaian perusahaan serta strategi dialog tripartit antara kerajaan, majikan dan kesatuan sekerja bagi mencegah pertikaian secara proaktif. Pengalaman dan amalan terbaik yang diperoleh dijangka dapat membantu Malaysia memperkukuh keberkesanan *Labour Dispute Prevention and Resolution System* (LDPRS), meningkatkan kecekapan pengurusan kes, dan mempromosikan keharmonian perusahaan yang lebih mampan.

► DELEGASI LAWATAN

Seramai 7 orang pegawai JPPM menyertai delegasi ini yang terdiri daripada 4 orang pegawai ibu pejabat dan 3 orang pegawai daripada JPP Negeri. Pegawai-pegawai yang terlibat adalah seperti berikut:

BIL	NAMA	JAWATAN	JABATAN/BAHAGIAN
1	Aminuddin bin Ab Rahaman	Timbalan Ketua Pengarah (S14)	Ibu Pejabat
2	Nor Zulhilmie bin Saleh	Pengarah (S12)	Jabatan Perhubungan Perusahaan Kedah / Perlis
3	Rodzilah binti Mohamad Anoar	Pengarah (S12)	Bahagian, Keharmonian Perusahaan, Ibu Pejabat
4	Mohd Yushairy Zhafran bin Yusoff	Ketua Penolong Pengarah (S10)	Bahagian Pertikaian Perusahaan, Ibu Pejabat
5	Suriza binti Sulaiman	Penolong Pengarah Kanan (S10 Fleksi)	Bahagian Pertikaian Perusahaan, Ibu Pejabat
6	Faizal bin Tamin	Penolong Pengarah Kanan (S10 Fleksi)	Bahagian Pertikaian Perusahaan, Ibu Pejabat
7	Anita a/p Thasarathan	Penolong Pengarah (S9)	Jabatan Perhubungan Perusahaan Selangor

Korea Enterprises Federation (KEF)



Ministry Of Employment And Labor (MOEL) & Korea Labor Relations Commission (KLRC)



Korea Labour Institute (KLI)



SAMSUNG



PERASMIAN BANGUNAN BAHARU KESUMA PULAU PINANG

Majlis Perasmian Bangunan Baharu KESUMA Pulau Pinang yang telah dirasmikan oleh YB Encik Steven Sim Chee Keong, Menteri Sumber Manusia pada 14 Mac 2025. Bangunan lima tingkat ini menggantikan Bangunan Lembaga Buruh Pelabuhan Pulau Pinang (LBPPP) yang dibina pada tahun 1973. Projek pembangunan semula tersebut dilaksanakan dengan kos sebanyak RM25 juta di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) bagi menyediakan persekitaran kerja yang lebih selesa dan kondusif kepada warga kerja KESUMA.

Bangunan baharu ini menempatkan Jabatan Perhubungan Perusahaan Pulau Pinang di Aras 1 dan Aras 2 serta Mahkamah Perusahaan Pulau Pinang di

Aras 3 dan Aras 4 manakala Aras G adalah ruang gunasama bagi pelbagai aktiviti.

Reka bentuk bangunan ini menerapkan ciri-ciri reka bentuk hijau (*Green Design*) dan teknologi penjimatan tenaga, selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI yang menekankan aspek kemampanan dan kesejahteraan. Ia juga mengambil kira kekangan tapak serta mematuhi garis panduan zon warisan Bandaraya George Town.

Penyediaan bangunan pejabat khusus ini bukan sahaja meningkatkan keselesaan warga kerja, malah memperkukuh kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan kepada orang awam dan pihak industri di negeri Pulau Pinang.





PENGHARGAAN KHAS: MENYANJUNG BUDI, MENJUNJUNG BAKTI

► PERSARAAN YBRs. TUAN HAJI KHALID BIN JALI (KETUA PENGARAH JPPM)

Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM) telah menganjurkan Majlis Menyanjung Budi, Menjunjung Bakti pada 01 Julai 2025 bertempat di Dewan MAKSAK Putrajaya. Majlis ini dianjurkan penghargaan kepada YBr. Tuan Haji Khalid Bin Jali atas khidmat bakti cemerlang beliau sebagai Ketua Pengarah. YBr. Tuan Haji Khalid Bin Jali bersara wajib mulai 03 Julai 2025 setelah mencurahkan khidmat bakti dalam perkhidmatan awam selama lebih 33 tahun.

Sepanjang tempoh perkhidmatan, beliau Khalid telah menunjukkan dedikasi yang tidak berbelah bahagi. Kepimpinan beliau berteraskan nilai integriti, profesionalisme, keteladanan, serta sifat berhemah tinggi.

Dikenali sebagai pemimpin yang tenang dalam menghadapi cabaran dan sentiasa mengutamakan penyelesaian secara hikmah. Beliau memainkan peranan besar dalam memperkukuh sistem perhubungan perusahaan di Malaysia serta membina hubungan industri yang harmoni antara kesatuan sekerja dan majikan.

Di kepimpinan beliau, JPPM telah diperkukuh sebagai sebuah institusi yang dihormati dan cemerlang. Beliau bukan sahaja disenangi oleh anggota JPPM malah di kalangan rakan strategik seperti kesatuan sekerja dan persatuan-majikan yang menyifatkan kepimpinan beliau sebagai sumber inspirasi kepada warga kerja dan kesatuan sekerja di seluruh negara.

Seluruh warga kerja JPPM mendoakan agar YBr. Tuan Haji Khalid dikurniakan kesihatan yang baik, ketenangan, dan kebahagiaan berterusan serta terus sukses dalam apa jua bidang yang diceburi selepas persaraan.





BAB 6

PENGUATKUASAAN

- Pertikaian Perusahaan
- Pemulihan Kerja



PENGUATKUASAAN

PENGENDALIAN PERTIKAIAN PERUSAHAAN

► PENGENALAN

Pertikaian perusahaan merupakan aspek penting dalam memastikan kestabilan hubungan industri dan keseimbangan antara kepentingan majikan serta pekerja. Melalui peruntukan Akta Perhubungan Perusahaan 1967 (Akta 177), pengurusan pertikaian dilaksanakan menerusi pendekatan rundingan, mediasi dan penyelesaian secara harmoni bagi memupuk keharmonian perusahaan, meningkatkan kepercayaan antara pihak berkepentingan serta mengurangkan risiko konflik yang boleh menjejaskan produktiviti.

Laporan ini memberi tumpuan kepada prestasi pengendalian kes pertikaian perusahaan sepanjang tahun 2025, termasuk kes di bawah Seksyen 8, 9, 9(1A), 13 dan 18 Akta 177, serta meneliti cabaran dan hala tuju strategik bagi memperkukuh sistem pengurusan pertikaian yang lebih cekap, telus dan berkesan.

► PRESTASI PENGENDALIAN KES TAHUN 2025

Sepanjang tahun 2025, pengendalian pertikaian perusahaan mencatatkan prestasi yang memberangsangkan dengan kadar penyelesaian kes yang tinggi merentasi pelbagai peruntukan di bawah Akta Perhubungan Perusahaan 1967. Kes yang dikendalikan meliputi aduan tindakan pemangsaan terhadap kesatuan sekerja (Seksyen 8), pengiktirafan kesatuan sekerja

(Seksyen 9), keanggotaan kesatuan sekerja (Seksyen 9(1A)), perundingan perjanjian kolektif (Seksyen 13), serta rujukan pertikaian untuk tujuan pendamaian dan mediasi (Seksyen 18). Kes berkaitan keanggotaan kesatuan sekerja di bawah Seksyen 9(1A) merekodkan jumlah tertinggi dengan 1,869 kes.

Selain itu, tindakan perusahaan seperti mogok dan sekatan masuk berjaya dikawal pada tahap minimum dengan hanya 9 kes direkodkan dan mencapai 100% kadar penyelesaian. Secara keseluruhannya, pencapaian ini mencerminkan keberkesanan pendekatan rundingan, mediasi dan intervensi awal JPPM dalam mengekalkan keharmonian perusahaan, di samping menyokong usaha memperkukuh dialog sosial, pembangunan kapasiti pegawai dan penggunaan teknologi dalam pengurusan pertikaian perusahaan.

► CABARAN DAN HALANGAN STRATEGIK

Antara cabaran utama dalam pengurusan pertikaian perusahaan pada tahun 2025 ialah keperluan menyesuaikan prosedur kerja susulan pindaan Akta Perhubungan Perusahaan 1967, kerumitan proses rundingan akibat isu organisasi dan kos operasi, serta ketidaklengkapan dokumen yang menjejaskan kelancaran penyelesaian kes. Jabatan juga berdepan kekangan sumber manusia berikutan peningkatan jumlah dan kerumitan kes yang dikendalikan.

PERKARA	2024		2025	
	KENDALI	PERATUS SELESAI	KENDALI	PERATUS SELESAI
SEKSYEN 8	12	100%	34	18%
SEKSYEN 9	92	82%	155	55%
SEKSYEN 9(1a)	1940	93%	1869	85%
SEKSYEN 13	109	85%	67	85%
SEKSYEN 18	182	85%	173	78%
TINDAKAN PERUSAHAAN	169	100%	9	100%

Jadual 1 : Pengendalian Pertikaian Perusahaan



Selain itu, tahap pemahaman undang-undang yang masih rendah dalam kalangan majikan dan kesatuan sekerja berkaitan hak serta tanggungjawab di bawah Akta 177 turut menyumbang kepada berlakunya pertikaian yang berulang. Cabaran-cabaran ini memerlukan pengukuhan kapasiti pegawai, penambahbaikan proses kerja dan peningkatan kesedaran perundangan bagi memastikan pengurusan pertikaian yang lebih berkesan.

▶ LANGKAH STRATEGIK MASA HADAPAN

Bagi memperkukuh sistem pengurusan pertikaian perusahaan, beberapa inisiatif utama telah dirangka termasuk pemerkasaan kompetensi pegawai melalui latihan mediasi, rundingan strategik dan pengurusan konflik, serta penambahbaikan standard operasi bagi memastikan pengendalian kes yang lebih konsisten dan berkesan.

Jabatan turut memberi penekanan kepada pengukuhan komunikasi dan dialog sosial melalui kerjasama tripartit serta pendekatan rundingan awal bagi mencegah pertikaian. Selain itu, transformasi digital melalui sistem pengurusan kes bersepadu dan analitik data diperkenalkan bagi meningkatkan kecekapan pemantauan dan intervensi, di samping usaha memperkukuh kesedaran undang-undang melalui program advokasi dan pendidikan. Secara keseluruhan, inisiatif ini bertujuan meningkatkan kecekapan sistem, memperkukuh keharmonian perusahaan serta menyokong persekitaran industri yang stabil dan mampan.

PENGENDALIAN KES PEMULIHAN KERJA

Sepanjang tahun 2025, JPPM terus memperkukuh pelaksanaan mandat di bawah Seksyen 20 Akta Perhubungan Perusahaan 1967 sebagai mekanisme perlindungan pekerja sektor swasta yang mendakwa diberhentikan tanpa sebab atau alasan yang munasabah. Jabatan berperanan sebagai pemudah cara rundingan dengan menyediakan platform

penyelesaian pertikaian yang adil, telus dan berkesan, selaras dengan peruntukan undang-undang dan tempoh statutori yang ditetapkan.

Usaha ini menyokong penyelesaian pertikaian secara damai, memelihara keadilan sosial serta memperkukuh keharmonian dan kestabilan hubungan perusahaan di Malaysia.

▶ MINGGU ALTERNATIVE DISPUTE RESOLUTION (ADR) SEBAGAI PEMACU TRANSFORMASI PENYELESAIAN PERTIKAIAN

Pelaksanaan Minggu *Alternative Dispute Resolution* (ADR) 2025 mencerminkan komitmen JPPM dalam memperkukuh penyelesaian pertikaian perusahaan secara cepat, harmoni dan kos efektif melalui mekanisme di luar proses litigasi formal. Inisiatif ini memberi tumpuan kepada penyelesaian kes Seksyen 20 Akta Perhubungan Perusahaan 1967, sekali gus meningkatkan akses kepada keadilan, mengurangkan konflik berpanjangan dan meminimumkan keperluan rujukan kes ke Mahkamah Perusahaan.

Pelaksanaan Minggu ADR turut selaras dengan syor *International Labour Organization* (ILO) untuk memperkukuh sistem penyelesaian pertikaian buruh yang lebih cekap dan mesra pengguna. Pada tahun 2025, sebanyak 885 kes berjaya dikendalikan berbanding 473 kes pada tahun sebelumnya, dengan rundingan secara bersemuka kekal sebagai kaedah utama penyelesaian. Kejayaan ini membuktikan keberkesanan Minggu ADR dalam memperkukuh keharmonian perusahaan, melindungi hak pekerja serta mewujudkan persekitaran pekerjaan yang lebih stabil dan produktif.



► LAWATAN KERJA AUDIT OPERASI SEKSYEN 20: MEMPERKUKUH TADBIR URUS DI PERINGKAT NEGERI

Program Naziran dan Audit Seksyen 20 JPPM yang dilaksanakan dari 8 September hingga 30 Oktober 2025 bertujuan memastikan pematuhan kepada SOP, menyeragamkan dokumentasi, memperkukuh pengurusan fail kes serta meningkatkan kualiti pengendalian representasi pemulihan kerja di peringkat negeri dan Ibu Pejabat. Sebanyak 196 fail kes melibatkan lima negeri telah diaudit melalui semakan fizikal dan sistem oleh pegawai Ibu Pejabat.

Audit mendapati masih terdapat kelemahan dari segi dokumentasi, pengurusan fail, penyediaan laporan dan pematuhan SOP. Namun, beberapa amalan terbaik turut dikenal pasti seperti pendaftaran kes yang cepat, penyelesaian rundingan damai dalam tempoh 30 hari dan pemantauan kes secara berkala. Susulan itu, JPPM memberi tumpuan kepada penambahbaikan pelaporan, pemantauan dan penyelarasan proses kerja, termasuk pelaksanaan program LDPRS dan Bengkel Penambahbaikan Garis Panduan Pengendalian Kes Representasi Pemulihan Kerja bagi meningkatkan keberkesanan sistem penyelesaian pertikaian perusahaan.

NEGERI		FAIL %	
1	SELANGOR	91	46.4%
2	KLUANG	31	15.8%
3	PERAK	30	15.3%
4	NEGERI SEMBILAN	28	14.3%
5	SARAWAK	16	8.2%



SELANGOR

► CABARAN DAN HALANGAN STRATEGIK


Walaupun prestasi pengendalian kes menunjukkan pencapaian yang positif, JPPM masih berdepan beberapa cabaran seperti ketidakhadiran pihak semasa rundingan, keengganan berunding, kecenderungan merujuk kes terus ke Mahkamah Perusahaan, peningkatan kes yang kompleks seperti *constructive dismissal* dan *retrenchment*, serta permohonan penangguhan yang melambatkan penyelesaian kes. Selain itu, tahap kesedaran perundangan dalam kalangan majikan dan pekerja masih perlu dipertingkatkan.

Bagi menangani cabaran tersebut, JPPM telah melaksanakan pelbagai langkah penambahbaikan termasuk sesi taklimat berkala, penyelarasan operasi dan pemantapan garis panduan bagi meningkatkan kompetensi pegawai, keseragaman pelaksanaan SOP serta keberkesanan sistem penyelesaian pertikaian perusahaan secara keseluruhan.

► LANGKAH STRATEGIK MASA HADAPAN

Bagi memperkukuh penyampaian perkhidmatan, JPPM akan melaksanakan beberapa inisiatif strategik termasuk memperluas pendigitalan melalui integrasi kecerdasan buatan (AI) dalam sistem IRIS, memperkasa kompetensi pegawai melalui latihan dan bengkel ADR, serta memperluaskan program advokasi dan kesedaran perundangan kepada pekerja dan kesatuan sekerja.

Secara keseluruhannya, tahun 2025 menyaksikan JPPM berjaya mengekalkan prestasi cemerlang dalam pengendalian kes pemulihan kerja dengan kadar penyelesaian kes melebihi 80% dan keberkesanan rundingan damai melebihi 65%. Pencapaian ini mencerminkan keberkesanan pengurusan kes yang lebih sistematik dan responsif, sekali gus memperkukuh keharmonian perusahaan, meningkatkan keyakinan pihak berkepentingan serta menyokong pembangunan ekosistem pekerjaan yang adil, inklusif dan mampan.





A modern office interior with large windows, ergonomic chairs, and a desk with a laptop. The scene is dimly lit, with light coming from the windows. The ceiling has a grid pattern with recessed lights.

BAB 7 PERUNDANGAN

- Undang-Undang Pekerja Gig 2025
- Kertas Siasatan
- Semakan Kehakiman

PERUNDANGAN

UNDANG-UNDANG PEKERJA GIG 2025

► AKTA PEKERJA GIG 2025 [AKTA 872]

Akta Pekerja Gig 2025 [Akta 872] digubal oleh KESUMA sebagai langkah transformasi perundangan bagi melindungi pekerja gig yang sebelum ini tidak dilindungi sepenuhnya di bawah undang-undang perburuhan sedia ada. Akta ini menyediakan perlindungan asas meliputi pendapatan, penyelesaian pertikaian, perlindungan sosial serta penubuhan Tribunal Pekerja Gig dan Majlis Perundangan.

Proses pembangunan akta ini melibatkan 37 sesi libat urus dengan 3,873 peserta daripada pelbagai pihak berkepentingan sepanjang tahun 2024 hingga 2025. Akta ini telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 28 Ogos 2025 dan Dewan Negara pada 9 September 2025, dengan sasaran pewartaan dan penguatkuasaan bermula pada Mac 2026.

Peranan JPPM: Di bawah Akta 872 ini, JPPM menggalas mandat penting dalam mengendalikan pengurusan aduan pertikaian yang melibatkan pekerja gig melalui proses yang berikut:

• **Pengurusan Aduan Berpusat:** Melalui aplikasi eAduan@JTKSM dan dasar “No Wrong Door Policy”, JPPM bertanggungjawab menyantuni aduan pertikaian berkaitan terma dan syarat perkhidmatan.

• **Proses Pendamaian (Conciliation):** Apabila mekanisme kilan dalam entiti kontrak gagal dalam tempoh 30 hari, pegawai JPPM akan bertindak sebagai pendamai untuk mendamaikan pertikaian antara pekerja gig dan entiti kontrak dalam prosiding pendamaian.

• **Penyelesaian:** JPPM juga berperanan merekodkan terma penyelesaian yang berjaya semasa proses pendamaian. Sekiranya gagal, kes akan dirujuk ke Tribunal Pekerja Gig untuk pengadilan.



Akta Pekerja Gig 2025 merupakan komitmen Kementerian untuk memastikan golongan pekerja gig dilindungi oleh perundangan khusus tanpa menjejaskan fleksibiliti ekosistem gig itu sendiri. Bagi JPPM, tahun 2025 menandakan persediaan jabatan dalam menggalas tanggungjawab baharu sebagai pendamai utama dalam sektor ekonomi gig, menjamin keharmonian perusahaan melangkaui sempadan pekerjaan tradisional.

KERTAS SIASATAN

JPPM mempunyai kuasa untuk mendakwa mana-mana pihak yang didapati melanggar peruntukan-peruntukan Akta 177 atau peraturan-peraturan di bawahnya. Jabatan akan menjalankan siasatan dengan membuka kertas siasatan terhadap aduan-aduan yang diterima. Kertas siasatan yang lengkap akan dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya (TPR) bagi tujuan semakan dan penelitian bagi tujuan mendapatkan izin dakwa. Berikut merupakan kesalahan-kesalahan yang boleh dikenakan tindakan siasatan dan penguatkuasaan di bawah Akta 177:



PERUNDANGAN



NOTA:

1. Kes Diterima merujuk kepada aduan oleh Pengadu kepada Jabatan berhubung apa-apa kesalahan di bawah Akta 177
2. Kes Dalam Siasatan merujuk kepada tindakan siasatan yang dijalankan berhubung aduan yang difailkan oleh Pengadu;
3. Kes Pendakwaan merujuk kepada yang difailkan ke mahkamah setelah siasatan selesai;
4. Kes Selesai merujuk kepada tiga (3) jenis situasi iaitu *No Further Action* (NFA), Jatuh Hukum (Perintah), Penyelesaian Luar Mahkamah dan Tarik Balik.

SEMAKAN KEHAKIMAN

Semakan kehakiman (*judicial review*) merujuk kepada kepada suatu proses di mana Mahkamah Tinggi menjalankan bidang kuasa semakan ke atas prosiding dan keputusan mahkamah yang lebih rendah, tribunal, badan-badan atau individu yang menjalankan fungsi kuasa kehakiman atau yang menjalankan tugas-tugas awam. Ia merupakan satu alternatif yang digunakan oleh pihak-pihak yang terkilan untuk mencabar kesahan suatu proses membuat keputusan oleh pihak berkuasa awam.

Pihak-pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan yang dikeluarkan oleh Menteri Sumber Manusia atau Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan (KPPP) boleh membuat permohonan kepada Mahkamah Tinggi untuk menyemak semula keputusan daripada Menteri Sumber Manusia atau KPPP tersebut. Permohonan yang telah dimeterai oleh Mahkamah Tinggi akan dihantar ke Jabatan Peguam Negara. Seterusnya, Jabatan Peguam Negara akan menghantar permohonan tersebut kepada Jabatan untuk penyediaan laporan affidavit.

Peruntukan di bawah Akta 177 yang kebiasaannya dicabar melalui permohonan semakan kehakiman adalah seperti berikut:

- Subseksyen 8(2)** – merupakan peruntukan berhubung aduan yang difailkan oleh mana-mana pihak sama ada majikan, kesatuan sekerja majikan, pekerja atau kesatuan sekerja pekerja berhubung pelanggaran mana-mana peruntukan di bawah seksyen 4, 5 dan 7;
- Subseksyen 9(1D)** – berhubung keputusan kepada kes-kes yang melibatkan isu skop dan kapasiti yang mana KPPP memutuskan sama ada mana-mana pekerja atau pekerja-pekerja yang diambil bekerja dalam bidang tugas pengurusan, eksekutif, sulit atau keselamatan;
- Subseksyen 9(5)** – merupakan keputusan berhubung tuntutan pengiktirafan sesebuah kesatuan sekerja ke atas sesebuah syarikat bagi mewakili pekerja-pekerja tertentu yang diambil bekerja;
- Subseksyen 18** – merupakan rujukan pertikaian untuk perdamaian (*reference of disputes for conciliation*) di mana ianya satu proses perdamaian (*conciliation*) yang dijalankan oleh KPPP bagi menyelesaikan pertikaian perusahaan; dan
- Subseksyen 20(3)** – merupakan keputusan KPPP berhubung representasi pemulihan kerja untuk dirujuk ke Mahkamah Perusahaan Malaysia.

Tahun	2023			2024			2025		
Seksyen	Kes Diterima	Aktif	Tidak Aktif	Kes Diterima	Aktif	Tidak Aktif	Kes Diterima	Aktif	Tidak Aktif
8(2)	0	0	0	0	0	0	0	0	0
9	2	0	2	1	1	0	2	1	1
9(1A)	0	0	0	1	1	0	4	4	0
18	0	0	0	0	0	0	2	0	2
20	3	1	2	5	4	1	6	6	0
39	0	0	0	0	0	0	1	0	0
Jumlah Keseluruhan Kes Diterima	5			7			15		

Jadual 2: Bilangan Permohonan Semakan Kehakiman Diterima Mengikut Peruntukan Di Bawah Akta 177 Bagi Tempoh 2023 - 2025

NOTA:

1. Kes Aktif merujuk kepada kes yang belum selesai dan masih dalam tindakan di peringkat Bahagian Perundangan mahupun di mahkamah.
2. Kes Tidak Aktif merujuk kepada kes yang telah ditutup/selesai di peringkat Bahagian Perundangan mahupun di mahkamah. Terdapat tiga (3) jenis kes yang tidak aktif iaitu Perintah, Penyelesaian Luar Mahkamah dan Tarik Balik.
3. Kes Diterima merujuk kepada permohonan semakan kehakiman yang difailkan oleh Pemohon di Mahkamah Tinggi dan diterima oleh Jabatan Peguam Negara seterusnya diagihkan kepada Jabatan untuk tujuan penyediaan laporan.

Jadual 2 menunjukkan terdapat 15 permohonan semakan kehakiman yang diterima bagi tahun 2025. Jumlah permohonan tersebut menunjukkan pertambahan dua (2) kali ganda berbanding jumlah permohonan semakan kehakiman pada tahun 2024 iaitu sebanyak tujuh (7) permohonan. Peningkatan ketara ini adalah sebahagiannya berpunca daripada permohonan semakan kehakiman di bawah seksyen 20 dengan sebanyak enam (6) permohonan direkodkan iaitu jumlah tertinggi bagi tahun berkenaan.

► PENGUKUHAN DAN PEMANTAPAN PEGAWAI PENGUATKUASAAN JPPM 2025

JPPM melalui Bahagian Perundangan telah menganjurkan Kursus Kemapanan dan Kompetensi Pegawai Perhubungan Perusahaan dalam Menguatkuasakan Akta Perhubungan Perusahaan 1967 (Akta 177) pada 21–24 Oktober 2025 di Kuala Lumpur. Kursus yang melibatkan 35 pegawai JPPM

dari Ibu Pejabat dan negeri ini bertujuan memperkukuh kompetensi pegawai dalam aspek siasatan, pendakwaan, penguatkuasaan undang-undang dan pengendalian pertikaian perusahaan selaras dengan agenda PETIK di bawah RMKe-12.

Kursus merangkumi 12 modul intensif termasuk penyediaan kertas siasatan, prosedur pendakwaan, Akta Keterangan 1950, Kanun Tatacara Jenayah dan simulasi perbicaraan (*mock trial*). Hasil pelaksanaannya, kompetensi pegawai dalam penguatkuasaan Akta 177 berjaya dipertingkatkan, pematuhan majikan, pekerja dan kesatuan sekerja dapat diperkukuh, serta keharmonian perusahaan terus dipelihara melalui pelaksanaan penguatkuasaan yang lebih profesional, adil dan berkesan.

Berikut adalah objektif-objektif kursus:

Hasil daripada pelaksanaan kursus ini telah menyumbang kepada:



- i. **Peningkatan Kompetensi Pegawai:** Pegawai Perhubungan Perusahaan kini lebih mahir dalam menggunakan peruntukan undang-undang sedia ada sebagai panduan utama ketika menangani isu pertikaian, memastikan tindakan yang diambil adalah tepat dan adil.
- ii. **Pematuhan Akta 177:** Program ini berjaya memperkukuh mekanisme penguatkuasaan jabatan yang seterusnya meningkatkan pematuhan pekerja, majikan, dan kesatuan sekerja terhadap Akta Perhubungan Perusahaan 1967.
- iii. **Keharmonian Perusahaan:** Melalui penguatkuasaan yang kompeten dan diplomasi yang betul, sikap

saling menghormati antara pihak-pihak dalam industri dapat dipupuk, sekaligus memelihara keharmonian perusahaan negara selaras dengan objektif PETIK.

Secara keseluruhannya, kursus ini telah berjaya melahirkan Pegawai Perhubungan Perusahaan yang kompeten secara holistik berlandaskan Akta Perhubungan Perusahaan 1967 (Akta 177). Peningkatan kemahiran pegawai dalam aspek penyediaan kertas siasatan dan prosedur pendakwaan akan dapat memastikan setiap kes diselesaikan secara adil, sekaligus meningkatkan pematuhan industri secara sukarela dan menjamin keharmonian hubungan majikan-pekerja yang mampan.





PROMOTION



BAB 8

PROMOSI

- Pelan Tindakan Keharmonian Perusahaan Nasional (PETIK)
- *Industrial Harmony Index Self Assessment / (IHI SA)*

PROMOSI


PELAN TINDAKAN KEHARMONIAN PERUSAHAAN NASIONAL (PETIK)

PETIK merupakan projek pembangunan bukan fizikal di bawah RMK-12 (2021–2025) yang mengintegrasikan *Productivity-Linked Wage System* (PLWS) dan *Industrial Harmony Index* (IHI) bagi memperkukuh keharmonian perusahaan, meningkatkan produktiviti serta mewujudkan hubungan kerjasama strategik antara majikan, pekerja dan kesatuan sekerja. Pelaksanaannya merangkumi pembangunan modul latihan, pementapan kompetensi, promosi keharmonian perusahaan, pengukuran IHI dan kajian impak.

Program ini bertujuan mengarusperdanakan agenda keharmonian perusahaan, meningkatkan kesedaran mengenai Code

of Conduct for Industrial Harmony (COC), memperkasakan pelaksanaan PLWS, serta meningkatkan skor IHI Nasional ke tahap cemerlang. Sehingga Disember 2025, PETIK telah merekodkan 1.75 juta penyertaan melalui 119 program dan 149 aktiviti, jauh melebihi sasaran asal 50,000 peserta. Skor IHI Nasional turut meningkat daripada 78.0% (2020) kepada 83.6% (2024), manakala perbelanjaan projek RM6.7 juta diurus dengan kecekapan melebihi 99%. Secara keseluruhannya, PETIK berjaya memperkukuh keharmonian perusahaan, meningkatkan produktiviti tenaga kerja dan menyokong daya saing ekonomi negara.

► RANGKUMAN PELAKSANAAN PETIK



► RANGKUMAN PELAKSANAAN PETIK

Sasaran asal KPI adalah penglibatan peserta seramai 50,000 dalam tempoh 5 tahun dari 2021-2025, dan projek ini telah berjaya menarik seramai 1,749,632 penglibatan peserta sehingga Disember 2025. Pencapaian ini direkodkan melalui pelaksanaan 119 program dan 149 aktiviti yang telah berjaya dijalankan secara fizikal dan maya.

Terdapat peningkatan positif dalam skor IHI Nasional, di mana skor pada tahun 2020 adalah sebanyak 78.0% dan pada

tahun 2024, skor IHI Nasional tersebut telah meningkat kepada 83.6%, iaitu peningkatan sebanyak 5.6%.

Kos keseluruhan projek adalah sebanyak RM 6.7 juta untuk tempoh RMK-12. Rekod perbelanjaan menunjukkan pengurusan kewangan yang sangat cekap dengan peratusan belanja melebihi 99% bagi setiap tahun dari 2021 hingga 2025.

Secara keseluruhannya, Program PETIK telah berjaya mencapai matlamat utamanya dalam memelihara kadar keharmonian perusahaan nasional

menerusi perubahan paradigma hubungan majikan-pekerja. Dengan pencapaian penglibatan peserta yang sangat tinggi dan peningkatan skor indeks keharmonian, program ini terbukti memberi impak positif terhadap produktiviti tenaga kerja negara dan seterusnya meningkatkan daya saing Malaysia dalam menarik pelaburan asing.


INDUSTRIAL HARMONY INDEX SELF ASSESSMENT / (IHI SA)

► PEMACU KEHARMONIAN PERUSAHAAN MELALUI INDUSTRIAL HARMONY INDEX (IHI) 2025

Pada tahun 2025, JPPM memperkukuh agenda keharmonian perusahaan melalui pelaksanaan *Industrial Harmony Index Self-Assessment* (IHI SA) secara bersemuka dan digital. Inisiatif utama termasuk Program

IHI Nasional Showcase & Klinik IHI SA 2025 yang menghimpunkan 151 majikan serta dua siri Webinar IHI SA yang melibatkan 153 majikan dari seluruh negara bagi meningkatkan kefahaman dan penggunaan instrumen IHI melalui sistem IRIS.

Selain itu, JPPM memperkenalkan Anugerah Syarikat Harmoni 2025 sebagai platform pengiktirafan kepada syarikat yang mengamalkan hubungan perusahaan yang cemerlang. Program yang dilancarkan sempena IR NITE 2025 ini melibatkan kategori Perusahaan Besar, Sederhana dan Kecil, dengan sesi penjurian memberi tumpuan kepada perkongsian amalan terbaik, kebajikan pekerja serta usaha meningkatkan kesejahteraan dan kepuasan kerja. Inisiatif ini menyokong pembudayaan keharmonian perusahaan yang mampan dan produktif di Malaysia.



PEMENANG BAGI KATEGORI SYARIKAT BESAR

JOHAN


TM TECHNOLOGY SERVICES
SDN. BHD.

NAIB JOHAN

STMICROELECTRONICS
SDN. BHD.

TEMPAT KETIGA

TECHNOCOM SYSTEMS
SDN. BHD.



PEMENANG BAGI KATEGORI SYARIKAT SEDERHANA

JOHAN

GREEN RESOURCES
RECOVERY SDN. BHD.

NAIB JOHAN

TANAH MAKMUR BERHAD

TEMPAT KETIGA

VIO STAR INTERNATIONAL
(M) SDN. BHD.



PEMENANG BAGI KATEGORI SYARIKAT KECIL

JOHAN

AYAM BISMIL FOOD
SDN. BHD.

NAIB JOHAN

HOTEL SENTRAL KUANTAN
SDN. BHD.

TEMPAT KETIGA

BARTECH EMPIRE
SDN. BHD.



PRODUCTIVITY-LINKED WAGE SYSTEMS (PLWS)


► PROGRAM BIMBINGAN PENINGKATAN PRODUKTIVITI DAN KEHARMONIAN PERUSAHAAN MELALUI PLWS

Program Bimbingan Peningkatan Produktiviti melalui *Productivity-Linked Wage System* (PLWS) 2025 merupakan inisiatif strategik JPPM di bawah RMK-12 dan Pelan Strategik JPPM 2021–2025 untuk meningkatkan produktiviti, pendapatan pekerja serta prestasi syarikat. Program ini menyokong pelaksanaan Teras 4 yang menasaskan pertambahan 4% majikan baharu melaksanakan PLWS pada tahun 2025. Melalui program ini, JPPM memberi pendedahan kepada majikan mengenai

konsep produktiviti, KPI dan sistem upah fleksibel berasaskan produktiviti. Pelaksanaan PLWS dapat meningkatkan produktiviti, keuntungan syarikat dan kadar upah pekerja secara seimbang, sekali gus memperkukuh daya saing industri serta menyokong aspirasi negara berpendapatan tinggi.

Fasa (1) Kursus Bimbingan dan Latihan – Modul 1 & Modul 2;

- Fasa (2) Sesi *Attachment* ke syarikat
- Fasa (3) Sesi *Virtual Coaching*; dan
- Fasa (4) Jawatankuasa Teknikal Panel Penilai Pengesahan Pelaksanaan PLWS & Pelaporan.



Program BPLWS 2025 telah dilaksanakan dari Februari hingga November 2025 dengan penyertaan 50 syarikat yang melalui tiga fasa pelaksanaan. Hasil penilaian akhir, 44 syarikat diperakukan untuk menerima Sijil Pengesahan Pelaksanaan PLWS, manakala 6 syarikat menerima Sijil Penyertaan.

► SISTEM UPAH YANG DIKAITKAN DENGAN PRODUKTIVITI/ PRODUCTIVITY-LINKED WAGE SYSTEM (PLWS)

Sistem Upah Yang Dikaitkan Dengan Produktiviti/ *Productivity-Linked Wage System* (PLWS) adalah merupakan satu sistem pembayaran upah berdasarkan produktiviti bagi meningkatkan daya saing syarikat di peringkat global dan memupuk kestabilan pekerjaan.

► PENCAPAIAN KESELURUHAN PS-JPPM BAGI TAHUN 2025 *PRODUCTIVITY-LINKED WAGE SYSTEM (PLWS)*

NO. KPI	NAMA KPI	SASARAN 2025	PENCAPAIAN 2025
1.	Program / Aktiviti Keharmonian Perusahaan Bersama Pemegang Taruh (Dialog Sosial/Lawatan Harmoni/Program PETIK)	3,685 pelaksanaan program dan aktiviti	3,647
2.	Penglibatan Peserta Program Dan Aktiviti Keharmonian Perusahaan Bersama Pemegang Taruh (Dialog Sosial/Lawatan Harmoni/Program PETIK)	12,000 penglibatan peserta	286,407 penglibatan peserta
3.	Peratus Peningkatan Bilangan Majikan Yang Melaksanakan PLWS	4.0%	4.0%

Jadual 3: Pencapaian Keseluruhan PS-JPPM Bagi Tahun 2025 *Productivity-Linked Wage System (PLWS)*

Selaras dengan polisi kerajaan iaitu menggalakkan pelaksanaan PLWS di semua industri di Malaysia, JPPM dengan Kerjasama perunding latihan (MPC Associate) telah mengambil langkah-langkah untuk mempromosikan PLWS dengan lebih meluas melalui aktiviti seperti lawatan harmoni, dialog sosial, seminar, bengkel dan lain-lain.

Rajah menunjukkan peningkatan bilangan majikan yang telah melaksanakan PLWS bagi tahun 2025 iaitu sebanyak 4,680 dan peningkatan sebanyak 436,294 bagi bilangan pekerja yang menikmati faedah PLWS bagi tahun 2025. Manakala, Jadual 3 menunjukkan bilangan majikan yang telah melaksanakan PLWS mengikut sektor bagi tahun 2025.

► PENCAPAIAN AKTIVITI KEHARMONIAN PERUSAHAAN

JPPM memainkan peranan penting dalam melaksanakan peruntukan di bawah Akta Perhubungan Perusahaan 1967 [Akta 177] untuk mempromosikan dan mengekalkan industri harmoni serta memperkasa dan menyelaraskan pertikaian yang wujud di antara majikan, pekerja dan kesatuan sekerja mereka. Sebagai langkah proaktif dalam usaha untuk memenuhi peranan tersebut, JPPM telah melaksanakan pelbagai program seperti dialog sosial, lawatan harmoni, promosi di media massa dan juga di media sosial. Ini adalah bertujuan untuk memenuhi visi dan misi Jabatan bagi mewujudkan suasana perhubungan perusahaan yang aman dan tenteram dalam negara.

2024	Bilangan majikan yang melaksanakan PLWS: 102,007	Bilangan pekerja yang menikmati faedah PLWS: 6,566,675
2025	Bilangan majikan yang melaksanakan PLWS: 106,087	Bilangan pekerja yang menikmati faedah PLWS: 7,002,969

Bilangan Majikan Yang Melaksanakan PLWS dan Bilangan Pekerja Yang Menikmati Faedah Pelaksanaan PLWS Pada Tahun 2024-2025

Jadual 4: Bilangan Majikan Yang Melaksanakan PLWS dan Jumlah Pekerja Yang Menikmati Faedah Pelaksanaan PLWS Mengikut Sektor Bagi Tahun 2025

SEKTOR	BILANGAN MAJIKAN YANG MELAKSANAKAN PLWS	BILANGAN PEKERJA YANG MENIKMATI FAEDAH PELAKSANAAN PLWS
Pembuatan	1,065	198,546
Perkhidmatan	2,541	187,457
Pembinaan	204	11,631
Pertanian	270	38,660
Lain-Lain	0	0

Program Dialog Sosial yang dijalankan oleh pejabat JPP negeri dengan matlamat untuk meningkatkan kesedaran dalam mewujudkan hubungan dua hala yang positif dan konstruktif di tempat kerja sekaligus dapat mengurangkan kejadian Tindakan Perusahaan (mogok, piket dan sekat masuk) yang boleh menjejaskan keharmonian di tempat pekerjaan. Dialog sosial yang efektif dapat memberi manfaat kepada semua pihak iaitu pemain industri dan kerajaan sebagai pembuat dasar untuk mencapai keseimbangan antara pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan sosial terus mampan dan berdaya tahan.

Program Lawatan Harmoni merupakan inisiatif Jabatan bagi memperkukuhkan hubungan antara majikan, pekerja dan kesatuan sekerja mereka dalam sektor pekerjaan. Program ini bertujuan untuk mewujudkan suasana kerja yang harmoni (*decent work*) dan memahami cabaran serta keperluan setiap pihak dalam industri.

Pada tahun 2025, sebanyak 845 program dialog sosial dan 2,788 program lawatan harmoni telah berjaya dijalankan seperti di Jadual 5.

Jadual 5: Bilangan Program Dialog Sosial dan Lawatan Harmoni Tahun 2022-2024

JENIS PROGRAM	TAHUN		
	2023	2024	2025
Program Dialog Sosial	834	918	845
Program Lawatan Harmoni	2,846	2,913	2,788





BAB 9

PENDIGITALAN & PEMODENAN PERKHIDMATAN

- IRIS
- Portal Jabatan
- *Hands-on System IRIS (HOS)*



PENDIGITALAN & PEMODENAN PERKHIDMATAN

INDUSTRIAL RELATIONS INFORMATION SYSTEM (IRIS)

► PENGENALAN

Industrial Relations Information System (IRIS) merupakan sistem digital yang dibangunkan oleh Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM) bagi memperkukuh pengurusan maklumat serta meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan perhubungan perusahaan. Pembangunan sistem ini selaras dengan agenda transformasi digital jabatan dan Program Rekayasa/Reformasi Karenah Birokrasi (RKB) Kementerian Sumber Manusia yang menekankan pemodenan perkhidmatan awam melalui penggunaan teknologi digital.

IRIS dibangunkan secara penyumberluaran dengan pelantikan 3TD Solutions Sdn. Bhd. sebagai pembangun sistem. Sistem ini mentransformasikan proses kerja jabatan daripada kaedah konvensional yang bergantung kepada dokumen fizikal kepada ekosistem digital yang lebih sistematik, bersepadu dan cekap. Melalui platform tunggal berasaskan *Single Sign-On* (SSO), IRIS mengintegrasikan pelbagai sistem dalaman jabatan yang sebelum ini beroperasi secara berasingan, sekali gus memudahkan capaian, perkongsian data dan pengurusan maklumat secara lebih efektif.

► LATAR BELAKANG PEMBANGUNAN IRIS

Latar belakang pembangunan IRIS adalah bagi menangani cabaran pengurusan kes perhubungan perusahaan yang sebelum ini bergantung kepada proses manual dan sistem dalaman yang beroperasi secara berasingan. Keadaan ini menyukarkan perkongsian maklumat, pemantauan kes serta pengurusan data secara menyeluruh.

Melalui IRIS, jabatan telah mewujudkan pangkalan data berpusat yang membolehkan perkongsian maklumat merentas bahagian dan unit secara lebih sistematik. Sistem ini menyokong usaha pemodenan pentadbiran serta meningkatkan kecekapan pemantauan, pelaporan dan analisis data bagi

memperkukuh proses membuat keputusan dan penyampaian perkhidmatan yang lebih bersepadu.

► STRUKTUR DAN FUNGSI SISTEM IRIS

IRIS merupakan sistem pengurusan perhubungan perusahaan yang merangkumi 5 modul utama dan 22 submodul, dibangunkan bagi menyokong Fungsi Teras Jabatan selaras dengan keperluan Akta Perhubungan Perusahaan 1967. Sistem ini menyediakan perkhidmatan secara *end-to-end* (E2E), membolehkan keseluruhan proses pengurusan kes dilaksanakan secara digital daripada pendaftaran hingga penyelesaian kes. Selain itu, orang awam boleh mengakses perkhidmatan berkaitan Seksyen 8 (Hak-Hak Berkesatuan), Seksyen 13 dan 18 (Pertikaian Perusahaan), Seksyen 20 (Pembuangan Kerja) serta *Industrial Harmony Index* (IHI) secara dalam talian, sekali gus meningkatkan aksesibiliti, kecekapan dan kemudahan kepada pengguna.

► PELAKSANAAN SISTEM IRIS

Pelaksanaan IRIS dilaksanakan melalui beberapa fasa utama yang merangkumi analisis keperluan, pembangunan sistem, pengujian, latihan pengguna dan pelaksanaan operasi (*go-live*). Sepanjang proses pembangunan, kerjasama erat antara Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM) dan pembekal sistem, 3TD Solutions Sdn. Bhd., telah memastikan sistem yang dibangunkan memenuhi keperluan operasi jabatan.


Bagi memastikan penggunaan sistem yang berkesan, pelbagai sesi libat urus, bengkel, latihan pengguna dan inisiatif pengurusan perubahan telah dilaksanakan. Selain itu, Program *Hands-on System* (HOS) turut diperkenalkan melalui bimbingan secara langsung oleh *Subject Matter Expert* (SME) dan *Project Management Office* (PMO) di pejabat-pejabat negeri bagi meningkatkan kefahaman, kemahiran dan keyakinan pegawai dalam mengendalikan sistem IRIS.

► IMPAK PELAKSANAAN IRIS

Pelaksanaan IRIS telah meningkatkan kecekapan operasi jabatan melalui pengurusan kes yang lebih cepat, sistematik dan bersepadu. Sistem ini turut mengurangkan kebergantungan kepada proses manual serta penggunaan dokumen fizikal, sekali gus menjimatkan kos operasi berkaitan percetakan, penyimpanan dan logistik. Selain itu, orang awam kini dapat mengakses dan memfailkan kes secara dalam talian dengan lebih mudah tanpa perlu hadir ke pejabat, manakala penggunaan pangkalan data berpusat membolehkan pengurusan, analisis dan pelaporan data dilaksanakan dengan lebih tepat, pantas dan berkesan bagi menyokong proses perancangan serta pembuatan keputusan.

► KEPENTINGAN IRIS DALAM TRANSFORMASI DIGITAL JABATAN

IRIS merupakan inisiatif strategik yang memperkukuh transformasi digital Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia dengan meningkatkan kecekapan pengurusan maklumat, mempercepatkan proses kerja, memperkukuh ketelusan pengendalian kes serta memodenkan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. Sistem yang bersepadu ini turut menyokong aspirasi Kementerian Sumber Manusia dalam memperkasakan perkhidmatan awam berasaskan teknologi digital, selain membantu meningkatkan pemantauan kes, analisis data dan usaha memelihara keharmonian perusahaan. Secara keseluruhannya, pelaksanaan IRIS mencerminkan komitmen jabatan terhadap agenda Reformasi Karenah Birokrasi (RKB) serta menjadi pemangkin kepada penyampaian perkhidmatan yang lebih cekap, telus, mesra pengguna dan berkualiti.





PORTAL JABATAN

► PENGENALAN

Portal Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM) ialah platform digital rasmi yang menyediakan maklumat dan perkhidmatan berkaitan perhubungan perusahaan di Malaysia di bawah Kementerian Sumber Manusia. Portal ini telah dinaiktaraf dan mula beroperasi secara rasmi (*live*) pada tahun 2024, dengan tujuan memudahkan majikan, pekerja, kesatuan sekerja dan orang awam mengakses perkhidmatan jabatan secara digital.

Alamat rasmi portal: jpp.mohr.gov.my

Portal ini menyatukan pelbagai maklumat dan sistem sedia ada di JPPM ke dalam satu platform bersepadu, membolehkan pengguna mengakses modul-modul seperti aduan, perkhidmatan rundingan, dan metrik keharmonian perusahaan dengan *single sign-on*.

► SISTEM IRIS

IRIS (*Industrial Relations Information System*) ialah sistem bersepadu di bawah portal, menyokong operasi JPPM secara digital.

Modul Utama IRIS

MODUL	FUNGSI
EMS	Mengurus kes pertikaian perusahaan, termasuk aduan pembuangan kerja dan pengiktirafan kesatuan.
EKEP	Penglibatan pihak berkepentingan melalui lawatan keharmonian, dialog sosial dan program keharmonian perusahaan.
IHI	Mengukur tahap keharmonian dan produktiviti tempat kerja melalui <i>Industrial Harmony Index</i> .
SIR	Pengurusan aduan, kepuasan pelanggan dan laporan terbuka.

Semua modul diakses melalui *single sign-on*, memudahkan pengguna menggunakan satu akaun untuk semua perkhidmatan.

► KANDUNGAN UTAMA PORTAL

Portal JPPM terbahagi kepada beberapa seksyen utama:

A. Mengenai Kami

- Menyediakan objektif dan fungsi JPPM.
- Piagam pelanggan, carta organisasi dan aktiviti jabatan.

B. Perkhidmatan

- Khidmat Rundingan & Aduan: Pengurusan kes pertikaian perusahaan, pembuangan kerja, tuntutan pengiktirafan kesatuan, dsb.
- Daftar Aduan: Saluran rasmi untuk membuat aduan berkaitan hubungan perusahaan.
- Khidmat Rundingan & Aduan: Pengurusan kes pertikaian perusahaan, pembuangan kerja, tuntutan pengiktirafan kesatuan, dsb.
- Daftar Aduan: Saluran rasmi untuk membuat aduan berkaitan hubungan perusahaan.

C. Produk & Modul

- IHI (Indeks Keharmonian Perusahaan): Mengukur tahap keharmonian di tempat kerja.
- PLWS (*Productivity-Linked Wage System*): Menilai produktiviti dan hubungan pekerja-majikan.
- Co-Determination & COC: Panduan dan modul amalan terbaik perhubungan perusahaan.



► KEGUNAAN DAN FAEDAH PORTAL

- Akses maklumat undang-undang & statistik: Muat turun akta, peraturan, garis panduan dan borang rasmi.
- Urusan aduan dan perkhidmatan: Buat aduan, fail kes, dan pantau perkembangan secara atas talian.
- Sokongan strategik & metrik: Menilai tahap keharmonian dan produktiviti di tempat kerja.

► KEPENTINGAN PORTAL KEPADA STAKEHOLDER


- Pekerja & Kesatuan Sekerja: Mudah membuat aduan dan menyelesaikan pertikaian.
- Majikan & Perunding HR: Membantu

pematuhan undang-undang perhubungan perusahaan.

- Kerajaan & Pembuat Polisi: Sumber statistik dan rujukan dalam merancang dasar buruh dan strategi produktiviti.
- Pelabur & Penyelidik: Data IRIS dan IHI menyokong analisis ekonomi dan daya saing.

► KESIMPULAN

Portal JPPM ialah satu platform di dalam talian yang menyokong keharmonian dan produktiviti di tempat kerja. Dengan penaiktarafan pada tahun 2024, portal ini telah memudahkan pengguna mengakses maklumat, membuat aduan dan meningkatkan penyampaian perkhidmatan secara efisien, sekaligus memperkukuh hubungan pekerja-majikan di Malaysia.



LAPORAN PELAKSANAAN PROGRAM PEMBELAJARAN SISTEM IRIS SECARA FIZIKAL (HANDS-ON SYSTEM, HOS)

Kaedah Pelaksanaan

Pelaksanaan program HOS telah menggunakan kaedah berikut:

- Tenaga Pengajar:** Sesi latihan dikendalikan oleh pegawai yang terdiri daripada *Project Management Officer* (PMO) dan *Subject Matter Experts* (SME) yang terlibat secara langsung dalam pembangunan sistem IRIS.
- Sesi Latihan:** Latihan dijalankan secara *hands-on* dan *one-to-one*, membolehkan interaksi langsung antara tenaga pengajar dan peserta.
- Tinjauan ICT:** Semakan terhadap peralatan, perisian, dan rangkaian di setiap lokasi telah dijalankan bagi memastikan kesiediaan infrastruktur untuk sistem IRIS.

Penglibatan Peserta

Program ini melibatkan penyertaan menyeluruh daripada semua peringkat pegawai dan kakitangan di ibu pejabat dan semua pejabat JPP Negeri, termasuk Pengarah, Pegawai, dan Pembantu Tadbir.

► PENILAIAN PROGRAM DAN MAKLUM BALAS

Berdasarkan sesi yang telah dijalankan, program HOS telah menunjukkan pencapaian yang positif terhadap objektifnya.

- Peningkatan Kemahiran:** Melalui sesi *hands-on* dan *one-to-one*, para peserta dari JPP Negeri

telah menunjukkan peningkatan kefahaman dan kemahiran dalam mengendalikan fungsi-fungsi sistem IRIS. Kaedah ini terbukti berkesan dalam mengurangkan risiko kesilapan penggunaan sistem.

- ii. **Pemahaman Aliran Kerja:** Peserta telah diberi pendedahan lengkap mengenai aliran kerja dalam talian, bermula dari pendaftaran kes sehingga penjaan surat dan laporan kes bagi semua modul dan submodul berkaitan.
- iii. **Kesediaan Infrastruktur:** Tinjauan ICT yang dijalankan serentak telah memberikan data penting mengenai keperluan menaik taraf komputer, perisian, dan rangkaian di pejabat yang telah dilawati bagi memastikan sistem IRIS dapat beroperasi dengan lancar.
- iv. **Maklum Balas Peserta:** Secara amnya, maklum balas awal yang diterima adalah positif. Para peserta menghargai pendekatan latihan secara fizikal yang membolehkan mereka bertanya dan mendapat bimbingan secara terus daripada tenaga pengajar.

► ISU DAN CABARAN

Namun, isu umum yang boleh disimpulkan adalah seperti:

- i. **Kekangan Masa:** Jadual latihan yang padat di beberapa negeri memerlukan pengurusan masa yang cekap daripada pihak penganjur dan peserta.
- ii. **Masalah Teknikal:** Terdapat isu teknikal berkaitan keserasian perisian dan rangkaian di beberapa lokasi serta isu teknikal sistem. Isu-isu tersebut ada yang telah diselesaikan dan sedang diselesaikan. Laporan kepada isu-isu teknikal IRIS akan sentiasa

dibuka sehingga tempoh waranti tamat. Selepas tempoh waranti tamat, skop pembekal baharu akan dirujuk.

► CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

Berdasarkan pemerhatian sepanjang program, beberapa penambahbaikan dicadangkan:

- i. **Sesi Latihan Lanjutan:** Mengadakan sesi latihan berkala atau kursus penyegaran (*refresher course*) bagi memastikan tahap kemahiran pengguna sentiasa tinggi, terutamanya apabila terdapat kemas kini atau fungsian baharu kepada sistem.
- ii. **Pembangunan Modul Latihan Dalam Talian:** Membangunkan video tutorial atau modul e-pembelajaran sebagai rujukan tambahan kepada panduan pengguna sedia ada.
- iii. **Saluran Bantuan (Helpdesk):** Memantapkan saluran bantuan khusus untuk pengguna sistem IRIS bagi menyelesaikan sebarang isu teknikal atau pertanyaan selepas tempoh latihan tamat.

► KESIMPULAN

Pelaksanaan program HOS yang telah dijalankan merupakan satu langkah proaktif dan penting dalam memastikan kejayaan penggunaan sistem IRIS di seluruh jabatan. Program ini bukan sahaja telah meningkatkan kemahiran teknikal warga JPPM tetapi juga telah memupuk budaya kerja digital yang lebih cekap dan telus. Adalah diyakini bahawa semua pegawai dan kakitangan akan lebih bersedia untuk memanfaatkan sistem IRIS sepenuhnya bagi memperkasa mutu penyampaian perkhidmatan jabatan.





PLANNING

BAB 10

PERANCANGAN STRATEGIK JABATAN

- Pencapaian Pelan Strategik Jabatan 2021-2025
- Pembangunan Pelan Strategik Keharmonian Perusahaan 2026-2030
 - *Key Performance Indicator* (KPI)
 - Reformasi Karenah Birokrasi (RKB)
- Persidangan Pegawai-Pegawai JPPM 2025
 - Kajian Separuh Penggal 2025
- Persidangan Pengarah-Pengarah JPPM 2025



PERANCANGAN STRATEGIK JABATAN

PENCAPAIAN PELAN STRATEGIK JPPM 2021-2025

Pelan Strategik Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM) 2021-2025 telah dilaksanakan dengan prestasi yang konsisten dan memberangsangkan, selaras dengan peranan jabatan sebagai peneraju dalam mempromosikan keharmonian perusahaan negara.

Sepanjang tempoh pelaksanaan, pencapaian KPI menunjukkan trend yang stabil dengan kadar pencapaian yang tinggi setiap tahun. Bermula dengan **90.48% KPI dicapai pada tahun 2021**, prestasi ini kekal kukuh pada tahun-tahun berikutnya dengan **88.89% (2022)** dan **88% (2023)**, sebelum mencatat peningkatan kepada **91.30% pada tahun 2024**, iaitu antara pencapaian terbaik sepanjang tempoh pelaksanaan.


Prestasi semasa bagi tahun 2025 turut menunjukkan trajektori yang positif, dengan sebahagian KPI telah dicapai. Pencapaian ini didorong oleh keberkesanan pelaksanaan strategi merentas beberapa bidang utama. Antaranya termasuk keupayaan jabatan dalam menyelesaikan kes pertikaian perusahaan secara efisien, melibatkan pelbagai kategori kes seperti aduan, tuntutan pengiktirafan dan representasi. Selain itu, usaha pemantapan perundangan melalui semakan kehakiman, analisis pindaan dan penyediaan kertas siasatan turut menunjukkan kemajuan yang konsisten.

JPPM juga berjaya memperkukuh program keharmonian perusahaan melalui pelaksanaan Pelan Tindakan Keharmonian Perusahaan Nasional (PETIK), termasuk peningkatan penglibatan pihak industri serta pelaksanaan inisiatif seperti *Productivity-Linked Wage System* (PLWS). Pada masa yang sama, penekanan terhadap pembangunan modal insan melalui latihan, kursus dan pembangunan modul kompetensi telah meningkatkan keupayaan pegawai dalam melaksanakan fungsi jabatan dengan lebih berkesan.

Di samping itu, penghasilan analisis dan kajian seperti analisa *award*, *collective agreement* serta kajian impak program telah memperkukuh peranan jabatan ke arah pendekatan yang lebih strategik dan berasaskan data.

Walau bagaimanapun, pelaksanaan pelan strategik ini turut berdepan beberapa cabaran, termasuk kebergantungan kepada pihak berkepentingan luar dalam pencapaian KPI tertentu serta keperluan penambahbaikan dalam aspek penyelarasan komunikasi antara peringkat jabatan.

Secara keseluruhannya, Pelan Strategik JPPM 2021-2025 telah berjaya mencapai objektif yang ditetapkan dan menyediakan asas yang kukuh untuk pembangunan Pelan Strategik JPPM 2026-2030 yang lebih progresif, berfokus dan berimpak tinggi.



PEMBANGUNAN PELAN STRATEGIK KEHARMONIAN PERUSAHAAN 2026-2030

Berteraskan pencapaian dan pengalaman pelaksanaan Pelan Strategik JPPM 2021–2025, jabatan kini melangkah ke fasa perancangan baharu yang lebih berfokus dan berimpak tinggi. Kejayaan serta cabaran yang dikenal pasti sepanjang tempoh pelaksanaan terdahulu telah menjadi asas penting dalam merangka hala tuju strategik yang lebih progresif bagi tempoh 2026–2030.

Selaras dengan keperluan memperkukuh hala tuju strategik jabatan dalam landskap perhubungan perusahaan yang semakin dinamik, JPPM telah melaksanakan pembangunan Pelan Strategik JPPM 2026-2030 pada tahun 2025 sebagai kesinambungan kepada pelan strategik terdahulu.

Pembangunan pelan strategik ini dirangka dengan mengambil kira aspirasi dasar semasa negara, termasuk kerangka Malaysia MADANI, pendekatan Ekonomi MADANI serta hala tuju pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13), bagi memastikan keselarasan dengan agenda nasional dan keutamaan pembangunan negara.

Sebanyak empat (4) siri bengkel telah dilaksanakan secara berperingkat dengan penglibatan seramai 21 orang peserta yang

mewakili Ibu Pejabat dan Pejabat Negeri. Proses ini turut disokong oleh pasukan fasilitator daripada Universiti Nottingham Malaysia (UNM) bagi memastikan pembangunan pelan dilaksanakan secara sistematik, berstruktur dan berasaskan analisis strategik yang komprehensif.

Pendekatan pembangunan ini memberi penekanan kepada penilaian pencapaian pelan terdahulu, pengenalpastian keutamaan strategik serta penggubalan teras, strategi dan inisiatif yang selaras dengan cabaran semasa dan masa hadapan. Penetapan indikator prestasi utama (KPI) turut diberi penekanan bagi memastikan pelaksanaan yang lebih terancang dan berimpak tinggi.

Hasil daripada proses ini, satu kerangka strategik yang jelas dan berfokus telah berjaya dibangunkan, merangkumi visi, misi serta hala tuju strategik jabatan bagi tempoh lima tahun akan datang.

Secara keseluruhannya, pembangunan Pelan Strategik JPPM 2026–2030 mencerminkan komitmen jabatan untuk terus relevan, responsif dan berdaya saing dalam menyokong keharmonian perusahaan negara, selaras dengan aspirasi pembangunan negara.





PRESTASI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN JPPM TAHUN 2025

Pada tahun 2025, JPPM terus menunjukkan komitmen dalam memperkuat penyampaian perkhidmatan perhubungan perusahaan yang cekap, responsif dan berkesan. Tumpuan utama Jabatan adalah kepada pengendalian kes perhubungan perusahaan, rundingan perjanjian kolektif, representasi pembuangan kerja, konsultasi bersama pemegang taruh serta pelaksanaan inisiatif keharmonian perusahaan.

Pencapaian ini mencerminkan peranan JPPM sebagai pemudah cara dalam memastikan pertikaian perusahaan dapat dikendalikan secara teratur, adil dan konstruktif. Melalui pendekatan rundingan damai, khidmat nasihat dan libat urus berterusan bersama majikan, pekerja serta kesatuan sekerja, JPPM terus menyokong usaha memelihara hubungan pekerjaan yang harmoni dan produktif.

Dalam aspek keharmonian perusahaan, pelaksanaan inisiatif seperti *Productivity-Linked Wage System* (PLWS), *Industrial Harmony Index Self-Assessment* (IHI SA), Pelan Tindakan Keharmonian Perusahaan

Nasional (PETIK) serta program libat urus industri terus menjadi antara instrumen penting dalam meningkatkan kesedaran, penyertaan dan amalan terbaik perhubungan perusahaan di tempat kerja.

Pemantauan prestasi melalui kerangka *Outcome-Based Budgeting* (OBB) dan MyBelanjawan turut membantu memastikan pelaksanaan program Jabatan dilaksanakan secara berfokus, berakauntabiliti dan selaras dengan keutamaan Kementerian. Pendekatan ini membolehkan JPPM menilai keberkesanan pelaksanaan program, penggunaan sumber serta pencapaian *outcome* yang disasarkan secara lebih tersusun.

Secara keseluruhannya, prestasi penyampaian perkhidmatan JPPM bagi tahun 2025 menunjukkan pencapaian yang positif. Pencapaian ini menjadi asas kepada penambahbaikan berterusan bagi memastikan perkhidmatan Jabatan kekal relevan, berkualiti dan berimpak tinggi kepada masyarakat industri.

► JADUAL RINGKAS PRESTASI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN JPPM TAHUN 2025



REFORMASI KARENAH BIROKRASI (RKB)

► TRANSFORMASI DIGITAL MELALUI INDUSTRIAL RELATIONS INFORMATION SYSTEM (IRIS)

Pembangunan *Industrial Relations Information System* (IRIS) merupakan pencapaian signifikan Jabatan dalam menyokong agenda Program Rekayasa/Reformasi Karenah Birokrasi (RKB) Kementerian Sumber Manusia (KESUMA). Melalui pembangunan IRIS, Jabatan berjaya melaksanakan transformasi proses kerja daripada kaedah konvensional kepada ekosistem digital yang lebih efisien dengan menggabungkan sistem-sistem dalaman yang bersifat 'silo' ke dalam satu platform tunggal berasaskan *Single Sign-On* (SSO). Pembangunan pangkalan data berpusat ini bukan sahaja memudahkan perkongsian data merentas unit, malah menjadi tulang belakang kepada pemodenan tadbir urus jabatan selari dengan matlamat rekayasa kementerian untuk mewujudkan penyampaian perkhidmatan yang lebih tangkas dan bersepadu.

Sistem yang telah mula beroperasi sepenuhnya (*go-live*) pada 15 Julai 2025 ini merangkumi lima (5) modul utama dan 22 submodul untuk memenuhi keperluan semasa selaras pindaan Akta Perhubungan Perusahaan 1967 serta Peraturan-peraturan Perhubungan Perusahaan. Dengan memberikan fokus kepada perkhidmatan *end-to-end* (E2E), IRIS membolehkan orang

awam mengakses empat (4) submodul secara atas talian, iaitu urusan operasi serta aktiviti berkaitan Seksyen 8 (Pelanggaran Hak-Hak Berkesatuan), Seksyen 13 dan 18 (Pertikaian Perusahaan), serta Seksyen 20 (Pembuangan Kerja) dan *Industrial Harmony Indeks* (IHI). Pendekatan ini memastikan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat tetap berjalan lancar tanpa batasan lokasi dan waktu, sekali gus mempamerkan kesediaan Jabatan dalam mengadaptasi perubahan teknologi bagi meningkatkan kualiti penyampaian awam.

Kejayaan mencapai tahap pelaksanaan 100% rekayasa bagi sistem IRIS ini memberikan impak yang besar terhadap pengurusan kos dan produktiviti Jabatan. Melalui pengurangan kebergantungan kepada proses manual, Jabatan berjaya menjimatkan kos percetakan dan logistik kerana dokumen fizikal tidak lagi diperlukan dalam pengurusan kes yang dikendalikan. Selain itu, penjimatan masa yang ketara dapat dinikmati oleh orang awam yang kini boleh memfailkan kes pada bila-bila masa tanpa perlu hadir secara fizikal ke pejabat. Secara keseluruhannya, IRIS bukan sekadar satu inovasi teknologi, tetapi merupakan manifestasi kejayaan Program Rekayasa KESUMA dalam memartabatkan keharmonian perusahaan melalui sistem pengurusan yang lebih moden, telus, dan mesra pengguna.

PERSIDANGAN PEGAWAI-PEGAWAI JPPM TAHUN 2025

Persidangan Pegawai Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM) Tahun 2025 telah dilaksanakan pada **3 hingga 6 Februari 2025 di Mardhiyyah Hotel & Suites, Shah Alam, Selangor** sebagai platform strategik bagi menghimpunkan pegawai-pegawai kanan jabatan untuk membincangkan isu-isu semasa, memperkukuh penyelarasan pelaksanaan dasar serta merangka pendekatan penambahbaikan perkhidmatan Jabatan. Persidangan ini turut dihadiri oleh **pegawai-pegawai JPPM dari seluruh**

Malaysia, yang terdiri daripada pengurusan tertinggi serta pegawai kanan jabatan, sekali gus mencerminkan komitmen menyeluruh organisasi dalam memperkukuh penyelarasan dan pelaksanaan fungsi jabatan.

Sepanjang persidangan, penekanan telah diberikan kepada aspek pengukuhan tadbir urus organisasi, pematuhan kepada dasar dan pekeliling semasa, serta peningkatan kecekapan pengurusan sumber manusia dan kewangan. Di samping itu, keperluan

mempertingkatkan kemudahan ICT, memperkemas perancangan perolehan serta memperkukuh pembangunan kapasiti pegawai turut diberi perhatian bagi memastikan kesiapsiagaan jabatan dalam menghadapi keperluan operasi yang semakin kompleks.

Persidangan ini juga menekankan kepentingan integriti, profesionalisme serta peranan pegawai sebagai barisan hadapan dalam memastikan pelaksanaan undang-undang perburuhan yang adil dan berkesan. Dalam konteks ini, usaha memperkukuh mekanisme penyelesaian pertikaian perusahaan melalui pendekatan rundingan, mediasi dan kaedah penyelesaian alternatif (ADR) terus diperkasakan bagi memastikan keharmonian hubungan industri dapat dikekalkan.

Selain itu, jabatan turut memberi tumpuan kepada inisiatif pendigitalan melalui pembangunan dan pelaksanaan sistem *Industrial Relations Information System* (IRIS), yang dijangka mempertingkatkan kecekapan pengurusan kes serta akses kepada perkhidmatan jabatan secara dalam talian. Pelaksanaan *Industrial Harmony Index* (IHI) juga terus diperkasakan sebagai instrumen penting dalam menilai tahap keharmonian perusahaan di peringkat organisasi.

Persidangan ini turut menghasilkan beberapa resolusi utama yang memberi penekanan kepada pemerkasaan kompetensi pegawai, pengukuhan mekanisme penyelesaian pertikaian perusahaan termasuk melalui pendekatan alternatif (ADR), serta peningkatan penggunaan teknologi digital dalam penyampaian perkhidmatan jabatan. Di samping itu, resolusi turut menekankan kepentingan pemantapan tadbir urus organisasi, pengurusan sumber yang lebih cekap serta pengukuhan dialog sosial antara pihak majikan, pekerja dan kesatuan sekerja dalam memastikan keharmonian perusahaan yang mampan dan berdaya tahan.

Secara keseluruhannya, persidangan ini telah berjaya mencapai objektifnya sebagai platform penyelarasan strategik dan pemantapan organisasi, serta menjadi pemangkin kepada usaha berterusan jabatan dalam memperkukuh sistem perhubungan perusahaan yang harmoni, progresif dan berdaya tahan.

KAJIAN SEPARUH PENGAL JPPM TAHUN 2025

Bengkel Kajian Separuh Penggal JPPM Tahun 2025 sebagai platform strategik bagi menilai pencapaian semasa jabatan serta memperkukuh hala tuju perancangan bagi tempoh akan datang.

Bengkel ini menghimpunkan pengurusan tertinggi serta pegawai kanan jabatan dari seluruh negara bagi membincangkan prestasi pelaksanaan program, cabaran operasi serta keperluan penambahbaikan dalam memastikan keberkesanan penyampaian perkhidmatan jabatan.

Sepanjang bengkel, penilaian telah dibuat terhadap prestasi pengurusan sumber manusia dan kewangan, termasuk tahap pengisian perjawatan yang tinggi serta prestasi perbelanjaan mengurus dan pembangunan yang menunjukkan kemajuan yang positif. Di samping itu, pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) jabatan turut dibentangkan bagi menilai tahap keberkesanan pelaksanaan fungsi teras jabatan di peringkat negeri dan bahagian.

Perbincangan turut memberi tumpuan kepada cabaran semasa dalam landskap perhubungan perusahaan, termasuk peningkatan kes pertikaian kompleks, perubahan struktur pekerjaan akibat perkembangan teknologi serta keperluan memperkukuh mekanisme penyelesaian pertikaian secara lebih cekap dan responsif. Dalam konteks ini, pendekatan alternatif seperti mediasi dan kaedah penyelesaian alternatif (ADR) terus diperkasakan sebagai antara instrumen penting dalam mempercepatkan penyelesaian kes.

Selain itu, bengkel ini turut membincangkan aspirasi pembangunan jabatan selaras dengan hala tuju Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) serta pembangunan Pelan Strategik JPPM 2026–2030. Penekanan diberikan kepada keperluan memperkukuh peranan jabatan dalam mendepani cabaran baharu seperti perkembangan ekonomi gig, pendigitalan pasaran kerja serta peningkatan jangkaan terhadap sistem perhubungan perusahaan yang lebih cekap dan inklusif.



Bengkel ini juga telah mengenal pasti beberapa keutamaan strategik, termasuk pengukuhan program keharmonian perusahaan seperti *Productivity-Linked Wage System* (PLWS), pemerkasaan *Industrial Harmony Index* (IHI), serta pembangunan sistem digital melalui penaiktarafan *Industrial Relations Information System* (IRIS) bagi meningkatkan kecekapan pengurusan kes dan pelaporan data.

Secara keseluruhannya, bengkel ini bukan sahaja menjadi platform penilaian prestasi

dan penyelarasan strategik jabatan, malah berperanan sebagai pemangkin kepada transformasi berterusan JPPM dalam memperkukuh sistem perhubungan perusahaan yang lebih inklusif, progresif dan berdaya tahan, selaras dengan aspirasi pembangunan negara.

Usaha ini mencerminkan komitmen berterusan JPPM dalam memastikan keharmonian perusahaan kekal terpelihara sebagai asas kepada kestabilan ekonomi dan kesejahteraan sosial negara.

PERSIDANGAN PENGARAH-PENGARAH JPPM TAHUN 2025

Persidangan Pengarah JPPM dan Bengkel Rangkuman Pengurusan Operasi Pelan Tindakan Keharmonian Perusahaan Nasional (PETIK) di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12) sebagai platform strategik bagi merangkumkan pelaksanaan program dan operasi jabatan sepanjang tahun 2025 serta menilai pencapaian keseluruhan dalam tempoh RMK-12.

Bagi Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM), persidangan ini menghimpunkan pengurusan tertinggi serta Pengarah-Pengarah Negeri bagi memperkukuh penyelarasan operasi jabatan, membincangkan pencapaian Sasaran Kerja Tahunan (SKT), serta merangka hala tuju strategik jabatan dalam menghadapi peralihan ke fasa baharu pembangunan di bawah RMK-13.

Sepanjang persidangan, pelbagai aspek penting telah dibincangkan termasuk prestasi pengurusan kewangan, perancangan perolehan, serta keperluan pengoptimuman sumber jabatan. Pencapaian SKT 2025 turut menunjukkan prestasi yang memberangsangkan di kebanyakan negeri, khususnya dalam pengendalian kes pemulihan kerja dan rundingan damai yang berjaya mencapai tahap penyelesaian yang tinggi.

Perbincangan turut memberi tumpuan kepada cabaran semasa dalam pengurusan pertikaian perusahaan,

termasuk peningkatan kompleksiti aduan, perubahan landskap pekerjaan serta keperluan penyelarasan proses kerja dan pemantapan Prosedur Operasi Standard (SOP). Dalam konteks ini, keperluan memperkukuh kompetensi pegawai serta memperluas pelaksanaan program kesedaran kepada majikan, pekerja dan kesatuan sekerja terus diberi keutamaan.

Selain itu, persidangan ini turut membincangkan pembangunan Pelan Keharmonian Perusahaan Strategik JPPM 2026–2030 yang akan menjadi kerangka utama hala tuju jabatan bagi tempoh akan datang. Pelan ini dibangunkan secara berstruktur melalui pendekatan berasaskan data dan analisis, serta diselaraskan dengan dasar semasa negara seperti Ekonomi MADANI, RMK-13 dan Dasar Sumber Manusia Negara (DSMN), dengan memberi penekanan kepada pengukuhan penyelesaian pertikaian, pemerkasaan perundangan, pendigitalan jabatan serta pembangunan modal insan dan kepakaran strategik.

Dari sudut pelaksanaan program, PETIK 2021–2025 terus menunjukkan pencapaian yang positif dengan pelaksanaan pelbagai inisiatif meliputi pembangunan kompetensi pegawai, program pendidikan dan promosi serta pengukuran tahap keharmonian perusahaan melalui *Industrial Harmony Index* (IHI). Prestasi perbelanjaan pembangunan yang tinggi turut

mencerminkan kecekapan pengurusan dan pelaksanaan program jabatan.

Walau bagaimanapun, beberapa cabaran telah dikenal pasti, termasuk kekangan sumber manusia dan kewangan, tahap penglibatan peserta program serta keperluan penambahbaikan dari segi pengurusan data dan pemantauan pelaksanaan program. Sehubungan itu, beberapa langkah penambahbaikan telah dicadangkan, termasuk penjenamaan semula pendekatan program, pengukuhan pemantauan serta peningkatan keberkesanan pelaksanaan inisiatif keharmonian perusahaan.

Persidangan ini turut menghasilkan beberapa resolusi utama yang memberi penekanan kepada pengukuhan kecekapan pengurusan operasi jabatan,

pemantapan kompetensi pegawai serta penambahbaikan mekanisme penyelesaian pertikaian perusahaan secara lebih sistematik dan responsif. Resolusi ini juga menekankan kepentingan pemerkasaan penggunaan teknologi digital, pengukuhan tadbir urus serta peningkatan keberkesanan pelaksanaan program keharmonian perusahaan secara lebih berfokus dan berimpak tinggi.

Secara keseluruhannya, persidangan ini telah berjaya berperanan sebagai platform penyelarasan strategik dan penilaian menyeluruh terhadap prestasi jabatan, di samping menjadi asas penting dalam merangka hala tuju baharu JPPM yang lebih responsif, berfokus dan berimpak tinggi dalam mendepani cabaran perhubungan perusahaan yang semakin kompleks.





BAB 11

PENGURUSAN ORGANISASI & PEMBANGUNAN MODAL INSAN

- Pengurusan Kewangan
- Latihan Pembangunan Modal Insan

PENGURUSAN ORGANISASI & PEMBANGUNAN MODAL INSAN

PENGURUSAN KEWANGAN

PRESTASI PERBELANJAAN KEWANGAN JPPM TAHUN 2025

PERUNTUKAN DITERIMA TAHUN 2025



Peruntukan
Mengurus

RM21,018,097.31

PERBELANJAAN TAHUN 2025



Perbelanjaan
Mengurus

RM21,546,065.80
(102.51%)



Peruntukan
Pembangunan

RM6,656,180.23



Perbelanjaan
Pembangunan

RM6,656,114.43
(100.00%)

RM27,674,277.54
Jumlah

RM28,202,180.23
(101.91%)
Jumlah

LATIHAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN TAHUN 2025

Jabatan telah menyelaras dan menganjurkan sebanyak 12 kursus dan latihan yang melibatkan penyertaan warga JPPM dari pelbagai kumpulan perkhidmatan pada tahun 2025.

NAMA KURSUS / LATIHAN	TEMPAT	TARIKH PENGANJURAN
Kursus Pemantapan Pegawai Perunding JPPM Tahun 2025: "Pengurusan & Penguatkuasaan Undang-Undang"	Mardhiyyah Hotel & Suites, Selangor	3-6 Feb 2025
Bengkel Pengendalian (SOP) Perhubungan Perusahaan	The Pearl Hotel, Kuala Lumpur	21 - 23 Feb 2025
Bengkel Penulisan Berkesan dan Beretika	Grand Millennium Hotel, Kuala Lumpur	24 - 26 Feb 2025
Bengkel Mid-Term Review PETIK Tahun 2025	DoubleTree by Hilton, Johor Bahru	23-25 Jun 2025
Bengkel Penambahbaikan SOP dan Garis Panduan Pengendalian Kes Pemulihan Kerja	Awana Hotel, Genting Highlands, Pahang	25-28 Ogos 2025
Bengkel LDPRS - Penyediaan Prosedur Kilanan Di Tempat Pekerjaan	Double tree by Hilton, Kuala Lumpur	22-25 September 2025
Bengkel Pemurnian Input Akhir Pelan Keharmonian Perusahaan Strategik 2026- 2030	Mudzaffar Hotel, Melaka	1-3 Oktober 2025
Bengkel Penambhaikan Pengendalian Undi Sulit dan Tuntutan Pengiktirafan	Pacific Regency Hotel Suites, Kuala Lumpur	10-12 Oktober 2025
Kursus Kemapanan & Kompetensi Pegawai Perhubungan Perusahaan Dalam Menguatkuasakan Akta Perhubungan Perusahaan 1967 (Akta 177)	Ideas Hotel Kuala Lumpur	21-24 Oktober 2025
Bengkel Pelaksanaan Kajian Penilaian Outcome PETIK 2021 - 2025	Royale Chulan Kuala Lumpur	3-5 November 2025
Kursus Pengukuhan Khidmat Pengurusan Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia	Travelodge Ipoh Hotel, Perak	10-13 November 2025
Bengkel Rangkuman Pengurusan Operasi Pelan Tindakan Keharmonian Perusahaan Nasional (PETIK) Bagi Tempoh RMK-12	Aloft Langkawi Pantai Tengah, Kedah	19-21 November 2025





BAB 12

PENGIKTIRAFAN

- Anugerah Pejabat Terbaik 2025
- Anugerah Persidangan Pegawai Perhubungan Perusahaan 2025
- Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2025

PENGIKTIRAFAN

ANUGERAH PEJABAT & BAHAGIAN TERBAIK JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN 2025

Anugerah Pejabat dan Bahagian Terbaik merupakan platform pengiktirafan tertinggi di peringkat Jabatan Perhubungan Perusahaan (JPP) bagi menghargai komitmen, integriti, dan kecemerlangan warga kerja dalam memacu keharmonian perusahaan negara.

PENERIMA ANUGERAH TAHUN 2025



**Anugerah Pejabat
Terbaik (Kluster 1)**
Jabatan Perhubungan
Perusahaan Selangor



**Anugerah Pejabat
Terbaik (Kluster 2)**
Jabatan Perhubungan
Perusahaan Pulau Pinang



**Anugerah Pejabat
Terbaik (Kluster 3)**
Jabatan Perhubungan
Perusahaan Negeri Sembilan



**Anugerah Khas
Ketua Pengarah**
Bahagian Perundangan
Ibu Pejabat



**Anugerah Bahagian
Terbaik**
Bahagian Khidmat
Pengurusan

ANUGERAH PERSIDANGAN PEGAWAI PERHUBUNGAN PERUSAHAAN 2025: PENGIKTIRAFAN KECEMERLANGAN

Jabatan Perhubungan Perusahaan (JPP) terus komited dalam memartabatkan kecemerlangan penyampaian perkhidmatan melalui penganugerahan kepada pegawai dan pejabat negeri yang menunjukkan prestasi luar biasa sepanjang tahun 2023/2024. Pengiktirafan ini mencerminkan dedikasi warga JPP dalam mengendalikan tugas secara efisien, telus, dan berintegriti.

PENERIMA ANUGERAH PERSIDANGAN PEGAWAI PERHUBUNGAN PERUSAHAAN 2025



Penyelesaian Terbaik Keseluruhan - Pemulihan Kerja Peringkat Negeri (Selangor/Kuala Lumpur) Tahun 2023/24



Penyelesaian Terbaik Keseluruhan - Pemulihan Kerja Peringkat Negeri (Lain-Lain Negeri) Tahun 2023/24



Tertinggi (Pemulihan Kerja) Peringkat Negeri (Selangor / Kuala Lumpur) Tahun 2023/24



Penyelesaian Secara Ex-Gratia Tertinggi (Pemulihan Kerja) Peringkat Negeri (Lain-Lain Negeri) Tahun 2023/24



Penyelesaian Terbaik Keseluruhan - Pertikaian Perusahaan & Perjanjian Kolektif (Peringkat Negeri) Tahun 2023/24



Penyelesaian Tuntutan Pengiktirafan & Kapasiti (Negeri Terbaik) Tahun 2023/24



Perunding Terbaik - Pemulihan Kerja (Peringkat Ibu Pejabat) Tahun 2023/24



Perunding Terbaik - Pertikaian Perusahaan (Peringkat Ibu Pejabat) Tahun 2023/24



Anugerah Khas Ketua Pengarah (Peringkat Negeri) Tahun 2023/24



Anugerah Khas Ketua Pengarah (Ibu Pejabat) Tahun 2023/24

PENGIKTIRAFAN

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2025

PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2025



Bahagian Khidmat
Pengurusan, Ibu Pejabat



Bahagian Perundangan,
Ibu Pejabat



Bahagian Pemulihan Kerja &
Pengurusan Rundingan Damai,
Ibu Pejabat



Bahagian Perancangan &
Penyelidikan Dasar, Ibu
Pejabat



Bahagian Pertikaian
Perusahaan, Ibu Pejabat



Bahagian Perundangan,
Ibu Pejabat



Pejabat Ketua Pengarah,
Ibu Pejabat



Bahagian Khidmat
Pengurusan, Ibu Pejabat



Jabatan Perhubungan
Perusahaan Pulau Pinang



Jabatan Perhubungan
Perusahaan Perak



Jabatan Perhubungan
Perusahaan WP Kuala Lumpur



Jabatan Perhubungan
Perusahaan Kedah / Perlis



Jabatan Perhubungan
Perusahaan Sabah



Jabatan Perhubungan
Perusahaan Johor



Jabatan Perhubungan
Perusahaan Negeri Sembilan



Bahagian Khidmat
Pengurusan, Ibu Pejabat



Jabatan Perhubungan
Perusahaan Sarawak



Jabatan Perhubungan
Perusahaan Selangor



BAB 13

JPPM DI ARENA GLOBAL

- *International Labour Conference (ILC)*
- Lawatan Penandaarasan ke Australia
- Kerjasama dengan *International Labour Organization (ILO)*
- Kerjasama dengan Institusi Pengajian Tinggi



JPPM DI ARENA GLOBAL

Pada tahun 2025, JPPM telah memainkan peranan aktif di peringkat antarabangsa melalui penyertaan dalam Persidangan Buruh Antarabangsa (ILC) Sesi ke-113 serta Lawatan Penandaarasan ke Australia berkaitan isu pekerja gig. Pengalaman daripada penyertaan di peringkat global ini membolehkan JPPM mengenal pasti amalan terbaik antarabangsa yang sesuai dijadikan rujukan. Hasilnya, penglibatan ini memperkukuh peranan JPPM dalam pelaksanaan Akta Pekerja Gig 2025 di Malaysia dengan memastikan perlindungan pekerja dan mekanisme penyelesaian pertikaian selaras dengan piawaian global.

INTERNATIONAL LABOUR CONFERENCE (ILC)

Delegasi Malaysia Ke Persidangan Buruh Antarabangsa (*International Labour Conference - ILC*) Sesi Ke-113, Geneva, Switzerland

Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) telah mengetuai Delegasi Malaysia ke Persidangan Buruh Antarabangsa (*International Labour Conference - ILC*) yang berlangsung di Palais des Nations, Geneva, Switzerland. Persidangan ini telah diadakan bermula pada 2 Jun 2025 sehingga 14 Jun 2025. Delegasi ini telah diketuai oleh YB Menteri Sumber Manusia dan turut disertai oleh pengurusan tertinggi Kementerian termasuk Ketua Setiausaha (KSU) KESUMA, wakil majikan, dan wakil pekerja.

Dalam konteks ini, Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM) telah diwakili oleh Penasihat Undang-Undang Jabatan, Encik Mohd Farid Huzaimi bin Mohd Baderudin, yang terlibat sebagai pegawai teknikal dalam persidangan tersebut. Penglibatan wakil JPPM adalah bertujuan untuk menyertai perbincangan berkaitan ekonomi platform, khususnya dalam merangka piawaian kerja wajar bagi pekerja gig, serta untuk terlibat secara langsung dalam prosiding Committee on the Application of Standards (CAS).

Penyertaan dalam prosiding CAS adalah penting bagi menegakkan prinsip keadilan, di samping memberi penjelasan yang tepat dan berfakta berhubung pelaksanaan piawaian buruh antarabangsa oleh Malaysia. Melalui prosiding ini, delegasi Malaysia berpeluang menyatakan bahawa langkah-langkah dan tindakan yang diambil oleh Kerajaan Malaysia adalah selaras dengan peruntukan undang-undang, dasar perhubungan perusahaan, serta kerangka perundangan buruh sedia ada. Penglibatan ini juga memastikan pandangan dan kedudukan negara difahami secara menyeluruh oleh pihak ILO dan komuniti antarabangsa.

Kehadiran wakil JPPM adalah signifikan bagi memastikan pendirian dan intervensi Malaysia dalam perbincangan serta penggubalan instrumen perburuhan antarabangsa mengambil kira realiti perundangan dan amalan domestik, khususnya dalam konteks hubungan perusahaan dan penyelesaian pertikaian industri.

Persidangan ini memberi tumpuan kepada pembentukan piawaian dan dasar perburuhan global melalui pelbagai Jawatankuasa Teknikal dan prosiding CAS. Antara agenda utama yang mempunyai implikasi langsung terhadap bidang perhubungan perusahaan adalah seperti berikut:

- i. **Ekonomi Platform** – Perbincangan mengenai penetapan standard kerja wajar dan perlindungan hak pekerja gig.
- ii. **Formalisasi Ekonomi** – Strategi peralihan pekerja dan perusahaan daripada sektor informal kepada sektor formal.
- iii. **Perlindungan Biologi dan Maritim** – Penetapan standard keselamatan biologi di tempat kerja serta pindaan kepada Konvensyen Buruh Maritim (MLC 2006).

Secara keseluruhannya, penglibatan aktif JPPM dalam Persidangan Buruh Antarabangsa (ILC) Sesi Ke-113 bukan sekadar mencerminkan kehadiran Malaysia di peringkat antarabangsa, malah merupakan pendekatan strategi dalam mempertahankan

integriti sistem perundangan buruh negara. Melalui penyertaan dalam perbincangan ekonomi platform dan prosiding CAS, JPPM memastikan bahawa kedudukan Malaysia berhubung isu-isu perburuhan antarabangsa disampaikan secara telus, adil dan berlandaskan undang-undang,

di samping terus memperkuat prinsip kerja wajar (*decent work*) dan keadilan sosial. Hasil persidangan ini akan dijadikan rujukan penting dalam penambahbaikan dasar hubungan perusahaan domestik serta pemerkasaan ekosistem tripartisme negara pada masa hadapan.



Barisan Delegasi Malaysia ke Persidangan Buruh Antarabangsa (ILC) Sesi Ke-113 di Geneva, Switzerland.



Komitmen di meja rundingan. Penasihat Undang-Undang JPPM, Encik Mohd Farid Huzaimi bin Mohd Baderudin, mewakili jabatan sebagai pegawai teknikal bagi memastikan pendirian perhubungan perusahaan negara selari dengan piawaian antarabangsa di ILC ke-113, Geneva.

LAWATAN PENANDAARASAN KE AUSTRALIA

Lawatan penandaarasan ke Sydney, Australia merupakan inisiatif strategi Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) untuk meneliti pelaksanaan undang-undang berkaitan pekerja gig. Lawatan ini memberi peluang kepada delegasi Malaysia untuk memahami secara langsung peranan institusi utama Australia, termasuk *Fair Work Commission (FWC)*, *Fair Work Ombudsman (FWO)*, dan *Department of Employment and Workplace Relations (DEWR)*, dalam menguatkuasakan *Fair Work Act 2009* dan melindungi hak serta kebajikan pekerja gig.

Lawatan ini juga bertujuan mengenal pasti amalan terbaik (*best practices*) yang boleh dijadikan rujukan bagi penguatkuasaan Akta Pekerja Gig 2025 di Malaysia, termasuk mekanisme penyelesaian pertikaian, standard minimum, perlindungan terhadap penyahaktifan tidak adil, dan pendidikan digital untuk pekerja gig. JPPM telah menghantar pegawai untuk menyertai lawatan ini bagi memastikan kepakaran teknikal dalam perundangan buruh dan pelaksanaan Akta Pekerja Gig 2025 dapat dimanfaatkan sepenuhnya.

Pegawai yang terlibat ialah:

- Encik Dedua Anak Taim@Tiam

- Puan Nuranis Nadia binti Abdul Halim
- Encik Mohd Farid Huzaimi bin Mohd Baderudin

Penglibatan mereka adalah penting bagi:

- Mendalami pengalaman Australia dalam penguatkuasaan undang-undang pekerja gig, termasuk penetapan standard minimum dan mekanisme pertikaian;
- Memastikan input teknikal JPPM dapat disalurkan dalam sesi perbincangan dengan FWC, FWO, TWU dan platform digital seperti Uber; dan
- Mengumpul maklumat dan pengajaran yang boleh diadaptasi dalam penyediaan perundangan subsidiari, peraturan tribunal, dan strategi penguatkuasaan di Malaysia.

Melalui penglibatan ini, JPPM memastikan perspektif Malaysia berhubung hak dan perlindungan pekerja gig dikemukakan, serta membantu merangka pelan penguatkuasaan dan mekanisme penyelesaian pertikaian yang sesuai dengan konteks domestik.

Beberapa aspek utama yang diperoleh daripada lawatan ini termasuk:

- Kepentingan rundingan tripartit antara kerajaan, kesatuan pekerja dan platform digital;
- Pengalaman penetapan *standard minimum (MSO)* oleh FWC bagi pekerja gig;
- Mekanisme perlindungan penyahaktifan

tidak adil melalui *Deactivation Code of Practice*;

- Model penyelesaian pertikaian berpusat yang menggabungkan pendamaian, perbicaraan dan penguatkuasaan;
- Strategi pendidikan dan capaian digital kepada pekerja gig oleh FWO;
- Amalan pengurusan kontrak dan keselamatan pekerja di platform seperti Uber.

Lawatan penandaarasan ini memberi pendedahan yang bernilai kepada JPPM dan KESUMA mengenai pelaksanaan undang-undang pekerja gig di peringkat antarabangsa. Penglibatan pegawai JPPM memastikan pengalaman dan amalan terbaik yang diperoleh dapat diterjemahkan ke dalam penguatkuasaan Akta Pekerja Gig 2025, termasuk dari aspek standard minimum, mekanisme pertikaian, dan perlindungan pekerja dalam ekonomi platform.



Lawatan Penandaarasan Pelaksanaan Undang-Undang Berkaitan Pekerja Gig ke Australia telah berlangsung dari 27 hingga 29 Oktober 2025 di Sydney, Australia.

KERJASAMA DENGAN INTERNATIONAL LABOUR ORGANIZATION (ILO)

Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM) terus memperkukuh jalinan kerjasama dengan Pertubuhan Buruh Antarabangsa/*International Labour Organization* (ILO) sebagai rakan strategi utama dalam memartabatkan standard perburuhan negara.

Perbincangan *Study Visit* ke Jepun dan Korea pada 05 Mei 2025, satu sesi perbincangan telah diadakan antara JPPM dan wakil ILO bagi menyelaraskan persediaan Lawatan Kajian (*Study Visit*) ke Jepun dan Korea Selatan. Fokus utama kolaborasi ini adalah:

- **Penandaarasan Global:** Mempelajari model hubungan perusahaan dan sistem perlindungan sosial di Jepun dan Korea yang telah terbukti berkesan.
- **Pertukaran Kepakaran:** Mendapatkan bimbingan teknikal daripada ILO untuk mengadaptasi amalan terbaik antarabangsa mengikut acuan tempatan.

Objektif kerjasama ini bertujuan untuk meningkatkan kompetensi pegawai JPPM dalam mengendalikan isu-isu perhubungan perusahaan yang kompleks, selaras dengan piawaian global yang ditetapkan oleh ILO. Ia juga berfungsi sebagai platform untuk:

- Memperkukuh dasar tripartisme di Malaysia.
- Menambah baik mekanisme penyelesaian pertikaian berdasarkan pengalaman negara-negara maju.

- Memastikan perundangan buruh Malaysia sentiasa relevan dengan perubahan ekonomi global.

Melalui inisiatif *Study Visit* dengan sokongan ILO ini, JPPM komited untuk membawa transformasi kepada sistem perhubungan perusahaan negara, sekali gus menjamin keadilan dan keharmonian yang mampan bagi majikan serta pekerja di Malaysia.



KERJASAMA DENGAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI

► KOLABORASI STRATEGIK BERSAMA UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA MELALUI PEMBANGUNAN KEPAKARAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN / DEVELOPMENT OF INDUSTRIAL RELATIONS EXPERTISE (DIREX)

Kolaborasi strategik di antara Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) merupakan satu rangkaian kolaborasi yang telah lama terjalin dan membawa impak signifikan kepada landskap perhubungan perusahaan negara. Detik permulaan kolaborasi ini bermula sejak tahun 2014, yang mana kedua-dua pihak bersama-sama berkolaborasi dalam pelaksanaan kajian rintis bagi pembangunan *Industrial Harmony Index* (IHI).

Usaha ini kemudiannya diperkukuhkan lagi melalui pelantikan UPMCS Sdn. Bhd. (anak syarikat UPM) sebagai perunding utama bagi meluaskan penggunaan instrumen IHI ke seluruh negara menerusi Kajian Indeks Keharmonian Perusahaan Merentas Industri di Malaysia pada tahun 2016 hingga 2017. Projek ini berjaya mendokumentasikan tahap keharmonian industri secara saintifik serta mencatatkan sejarah apabila instrumen IHI berjaya didaftarkan sebagai harta intelek (IP) pertama Jabatan di bawah MyIPO.

Rentetan daripada kejayaan tersebut, peranan UPM terus diiktiraf sebagai Pakar Rujuk IHI bagi tempoh 2018 hingga 2020 bagi menyokong kajian-kajian yang dilaksanakan secara dalaman oleh Jabatan.

Memasuki tahun 2023 dan 2024, kerjasama ini mencapai fasa yang lebih matang menerusi pelaksanaan Kajian Lanjutan IHI (KLIHI) 2023 serta Kajian IHI Nasional 2024. Melalui kesinambungan penyelidikan ini, JPPM bukan sahaja berjaya mengumpul data yang komprehensif, malah mula meletakkan asas yang kukuh untuk menginstitusikan kepakaran perhubungan perusahaan melalui satu inisiatif baharu yang dikenali sebagai *Development of Industrial Relations Expertise* atau DIREX.

Hasrat untuk mewujudkan DIREX telah dibincangkan secara mendalam dalam Mesyuarat Kolaborasi Kerjasama pada 7 Mac 2024. Dalam pertemuan tersebut, Kolaborasi strategik di antara Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) merupakan satu rangkaian kolaborasi yang telah lama terjalin dan membawa impak signifikan kepada landskap perhubungan perusahaan negara. Detik permulaan kolaborasi ini bermula sejak tahun 2014, yang mana kedua-dua pihak bersama-sama berkolaborasi dalam pelaksanaan kajian rintis bagi pembangunan *Industrial Harmony Index* (IHI).

Usaha ini kemudiannya diperkukuhkan lagi melalui pelantikan UPMCS Sdn. Bhd. (anak syarikat UPM) sebagai perunding utama bagi meluaskan penggunaan instrumen IHI ke seluruh negara menerusi Kajian Indeks Keharmonian Perusahaan Merentas Industri di Malaysia pada tahun 2016 hingga 2017. Projek ini berjaya mendokumentasikan tahap keharmonian industri secara saintifik serta mencatatkan sejarah apabila instrumen IHI berjaya didaftarkan sebagai harta intelek (IP) pertama Jabatan di bawah MyIPO.

Rentetan daripada kejayaan tersebut, peranan UPM terus diiktiraf sebagai Pakar Rujuk IHI bagi tempoh 2018 hingga 2020 bagi menyokong kajian-kajian yang dilaksanakan secara dalaman oleh Jabatan. Memasuki tahun 2023 dan 2024, kerjasama ini mencapai fasa yang lebih matang menerusi pelaksanaan Kajian Lanjutan IHI (KLIHI) 2023 serta Kajian IHI Nasional 2024. Melalui kesinambungan penyelidikan ini, JPPM bukan sahaja berjaya mengumpul data yang komprehensif, malah mula meletakkan asas yang kukuh untuk menginstitusikan kepakaran perhubungan perusahaan melalui satu inisiatif baharu yang dikenali sebagai *Development of Industrial Relations Expertise* atau DIREX.

Hasrat untuk mewujudkan DIREX telah dibincangkan secara mendalam dalam Mesyuarat Kolaborasi Kerjasama pada 7 Mac 2024. Dalam pertemuan tersebut, pengurusan tertinggi Jabatan telah menyuarakan hasrat untuk menubuhkan sebuah Pusat Kecemerlangan Keharmonian dan Perhubungan Perusahaan yang berfungsi sebagai pusat rujukan kepakaran perhubungan perusahaan yang utama. Hasrat ini kemudiannya disusuli dengan langkah proaktif melalui Mesyuarat *Kick-off* Kajian IHI Nasional pada 24 Jun 2024, yang turut meninjau kesediaan fasiliti seperti *smart classroom* bagi menyokong ekosistem DIREX. Komitmen ini dizahirkan secara rasmi melalui Sesi Menandatangani Surat Niat (*Letter of Intent / LOI*) pada 24 September 2024 bersempena dengan program *National Showcase of Industrial Harmony 2024* (NASH2024).

Bagi memperincikan pelaksanaan DIREX, satu pertemuan susulan telah diadakan pada 10 Mac 2025 bersama Profesor Ir. Dr. B.T. Hang Tuah Baharudin, Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) UPM pada masa itu. Perbincangan tersebut telah membincangkan dengan lebih terperinci berkenaan penubuhan dan tadbir urus DIREX di peringkat pentadbiran UPM.

Sebagai perancangan memuktamadkan hasrat Jabatan, Jabatan dan UPM kini sedang berada di fasa akhir bagi memuktamadkan Memorandum Persefahaman (MOU) yang dijangka akan dimeterai pada awal tahun 2026. MOU ini adalah sebagai titik pemangkin kepada usaha memperluaskan kepakaran kedua-dua pihak ke pentas global melalui:

1. Kajian-kajian Perhubungan Perusahaan dan Perburuhan
2. Pembangunan Modul *Labour Dispute Prevention and Resolution System* (LDPRS)
3. Program Pendidikan dan Latihan di Peringkat Nasional dan Antarabangsa
4. Persijilan serta pentauliahan
5. Perkongsian Kepakaran dan Maklumat

Dengan kewujudan MOU ini, segala perancangan jangka panjang Jabatan dalam memperkasakan bidang perhubungan perusahaan dapat direalisasikan sekaligus memastikan Malaysia kekal kompetitif melalui kestabilan dan keharmonian industri yang diiktiraf di peringkat dunia selain membawa nilai tambah Jabatan dan institut akademik sebagai agensi rujukan utama bidang keharmonian perusahaan di Malaysia.



► **KOLABORASI STRATEGIK JPPM-
UNIVERSITI NOTTINGHAM
MALAYSIA : PEMBANGUNAN PELAN
STRATEGIK DAN APLIKASI AI
DALAM PENGENDALIAN KES**

Sepanjang tahun 2025, Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM) telah memperkukuh kolaborasi strategik bersama Universiti Nottingham Malaysia (UNM) sebagai rakan kepakaran dalam menyokong agenda transformasi jabatan.


Kerjasama ini dimulakan melalui kerjasama dan pelantikan UNM sebagai fasilitator profesional bagi pembangunan Pelan Keharmonian Perusahaan Strategik JPPM 2026 - 2030 (PKPS 26-30). Melalui beberapa siri bengkel pembangunan yang dilaksanakan melibatkan pengurusan tertinggi serta wakil pejabat negeri, kerangka hala tuju jabatan telah dimurnikan secara menyeluruh merangkumi penetapan teras strategik, strategi dan inisiatif utama, indikator prestasi utama (KPI), serta mekanisme pemantauan dan pelaporan yang lebih sistematik. Pendekatan fasilitasi berasaskan metodologi akademik dan analisis berstruktur telah memperkukuh mandat dan hala tuju serta memperkemas fokus *outcome* serta memastikan

penjajaran yang lebih kukuh seiring dengan dasar semasa Negara.

Selain itu, tahun 2025 turut menandakan fasa perancangan strategik bagi pelaksanaan Kursus Aplikasi Kecerdasan Buatan (AI) Dalam Pengendalian Kes Perhubungan Perusahaan yang dijadualkan pada awal tahun 2026. Fasa ini melibatkan pembangunan modul latihan yang bersesuaian dengan konteks operasi JPPM, pengenaltastian *use case AI* dalam pengurusan kes serta penyelarasan aspek teknikal dan tadbir urus pelaksanaan.

Secara keseluruhannya, kolaborasi bersama UNM pada tahun 2025 bukan sahaja menghasilkan dokumen perancangan strategik yang lebih komprehensif dan berorientasikan *outcome*, malah meletakkan asas kukuh ke arah pembentukan ekosistem pengurusan kes yang lebih moden, responsif dan berteraskan analitik data. Kerjasama ini turut mencerminkan model kolaborasi strategik antara agensi awam dan institusi pengajian tinggi yang berpotensi diperluas sebagai pendekatan best practice dalam memperkukuh tadbir urus, pembangunan kapasiti dan inovasi sektor perkhidmatan awam.







AKTIVITI PEJABAT JPP NEGERI

AKTIVITI PEJABAT JPP NEGERI

📅 **27 Februari 2025**

🎬 **Program Jerayawara Dasar Gaji Progresif Tahun 2025 Negeri Johor**



📍 **JOHOR**

📅 **15 Julai 2025**

🎬 **Program Keharmonian Perusahaan Peringkat Negeri Johor 2025**



📅 **22 - 25 Julai 2025**

🎬 **Pelaksanaan Sesi Attachment Program Bimbingan Peningkatan Produktiviti Melalui PLWS Tahun 2025 (BPLWS 2025) Bagi Negeri Johor**



MELAKA

5 Disember 2025

Kunjungan hormat daripada Kesatuan Ahli Akademik Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)



NEGERI SEMBILAN

20 Januari 2025

Lawatan Jabatan Perhubungan Perusahaan Melaka ke Mahkamah Persekutuan Johor



17 Februari 2025

Majlis Menandatangani Perjanjian Kolektif Ke-2 di antara Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn Bhd (SAINS) dan Kesatuan Pekerja-pekerja Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn Bhd (KPPSAINS)



SELANGOR

6 Mei 2025

Majlis Menandatangani Perjanjian bersama Pertama antara MSM Logistics Sdn Bhd dan Kesatuan Pekerja-pekerja MSM Logistics Sdn Bhd



SELANGOR

 8 Mei 2025

 Seminar Keharmonian Perhubungan Perusahaan bersama Majikan dan Kesatuan Sekerja Tahun 2025



 30 Oktober 2025

 Sesi Undi Sulit Pekerja F&B *Nutrition Sdn Sdn bhd* berhubung Isu Tuntutan Pengiktirafan oleh *National Union of Drink and Food Industry Workers* Peninsular Malaysia



WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

 15 Januari 2025

 Isu Kapasiti HSBC dan *National Union of Bank Employees (NUBE)*



 15 Mei 2025

 Program Pelan Tindakan Keharmonian Perusahaan Nasional (PETIK) 2025 JPP WPKL



PERAK

 4 Jun 2025

 Kolokium Pindaan Akta Perhubungan Perusahaan "Memacu Keharmonian Industri dan Menjamin Kesejahteraan Pekerja"



PULAU PINANG

 13 Januari 2025

 Sesi Libat Urus Bersama Pemegang Taruh dan Pemain Industri Berhubung Draf Rang Undang-Undang Pekerja Gig (Zon Utara – Pulau Pinang, Perak, Kedah dan Perlis)



 14 Mac 2025

 Majlis Perasmian Bangunan Kementerian Sumber Manusia di Pengkalan Weld, Georgetown, Pulau Pinang



 **KEDAH/PERLIS**

 **16 Februari 2025**

 **Jerayawara Dasar Gaji Progresif Negeri Kedah**



 **13 Mac 2025**

 **Jerayawara Dasar Gaji Progresif Negeri Perlis**



 **11 Jun 2025**

 **Simposium Keharmonian Perusahaan: Pemerkasaan Undang-Undang Menjamin Keharmonian Perusahaan di Tempat Kerja**



KELANTAN

 **20 Januari 2025**

 Sesi Libat Urus Bersama Pemegang Taruh dan Pemain Industri Berhubung Draf Rang Undang-Undang Pekerja Gig (Zon Timur – Terengganu, Pahang dan Kelantan)



 **20 Mei 2025**

 Seminar Keharmonian Perusahaan Kelantan 2025: KESUMA – Melestarikan Undang-Undang Perburuhan Negara Melalui Keharmonian Perusahaan



TERENGGANU

 **20 Januari 2025**

 Sesi Libat Urus Bersama Pemegang Taruh dan Pemain Industri berhubung Draf Rang Undang-Undang Pekerja Gig (Zon Timur-Terengganu, Pahang Dan Kelantan)



📅 **18 Februari 2025**

🎬 **Jerayawara Dasar Gaji Progresif Negeri Terengganu**



📍 **PAHANG**

📅 **20 Ogos 2025**

🎬 **Jerayawara Dasar Gaji Progresif Negeri Perlis**



📍 **SARAWAK**

📅 **11 Februari 2025**

🎬 **Lawatan Harmoni ke SEDC Energy, Segari Synergy dan Sarawak Skill**





**AKTIVITI PEJABAT
JPP NEGERI**



SABAH



10 April 2025



Majlis Menandatangani perjanjian kolektif antara Syarikat Jetama Water Sdn bhd dan Kesatuan Pekerja-Pekerja Industri Air Sabah bagi perjanjian yang ke-7



19 Mei 2025



Program Kolaborasi Transformasi Perundangan Perburuhan Tahun 2025



MEMOIR

MEMOIR

Bengkel Kecekapan Pengendalian Prosedur Operasi Standard (SOP) Pertikaian Perusahaan



Bengkel Penambahbaikan Pengendalian Undi Sulit



Bengkel Penyediaan Prosedur Kilanan di Tempat Pekerjaan



Program Bimbingan Peningkatan Produktiviti melalui PLWS Tahun 2025



Bengkel Pelan Strategik Keharmonian Perusahaan 2026 - 2030



Pertandingan Sukan Woodball Tertutup 2025 PUSPANITA Cawangan KESUMA



Program Kayuhan Santai PUSPANITA Cawangan KESUMA



Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri JPPM 2025



Bengkel Change Management Sistem IRIS



ALAMAT PEJABAT-PEJABAT

JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN MALAYSIA (KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA)

Aras 9, Setia Perkasa 4
Kompleks Setia Perkasa,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan
62530 Wilayah Persekutuan
Putrajaya
☎: 03 8886 5434
☎: 03 8889 2355
✉: jppm@mohr.gov.my
<https://jpp.mohr.gov.my/>

JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN SELANGOR

Menara Bank Rakyat Shah
Alam, Tingkat Bawah &
Mezzanine, No. 1, Jalan Indah
14/8, 40000
Shah Alam, Selangor
☎: 03 5650 1600
☎: 03 5510 7817
✉: jppmsel@mohr.gov.my

JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN NEGERI SEMBILAN

Tingkat 3, Wisma Persekutuan,
Jalan Dato' Abd Kadir,
70000 Seremban,
Negeri Sembilan
☎: 06 7624 946
☎: 06 7638 946
✉: jppmneg@mohr.gov.my

JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

Tingkat 8, Menara PERKESO,
281, Jalan Ampang,
50536 Kuala Lumpur
☎: 03 4257 9911
☎: 03 4257 2682
✉: jppmwil@mohr.gov.my

JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN PERAK

Tingkat 4, Blok C, Bangunan
Persekutuan Ipoh,
Jalan Dato' Seri Ahmad Said,
30450 Ipoh, Perak
☎: 05 2418 422
☎: 05 2416 981
✉: jppmper@mohr.gov.my

JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN MELAKA

Tingkat 3, Menara Persekutuan,
Jalan Persekutuan,
Hang Tuah Jaya, 75450 Ayer
Keroh, Melaka
☎: 06 2345 030
☎: 06 2345 033
✉: jppmmel@mohr.gov.my

JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN TERENGGANU

Tingkat 12, Wisma
Persekutuan, 20200
Kuala Terengganu, Terengganu
☎: 09 6221 516
☎: 09 6235 628
✉: jppmter@mohr.gov.my
Facebook: JPP Terengganu

JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN PULAU PINANG

Aras 2, Bangunan KSM
(Kesuma), No. 34-A, Pengkalan
Weld, 10300 George Town,
Pulau Pinang.
☎: 04-2281359
✉: jppmpul@mohr.gov.my

JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN JOHOR

Tingkat 2 & 3, Blok A, Wisma
Persekutuan,
Jalan Air Molek, 80000 Johor
Bahru, Johor
☎: 07 2243 011
☎: 07 2220 671
✉: jppmjoh@mohr.gov.my

PEJABAT PERHUBUNGAN PERUSAHAAN KLUANG

Tingkat 2, Bangunan
Persekutuan, Jalan Batu Pahat,
86000 Kluang, Johor
☎: 07 7722 188
✉: jppmklu@mohr.gov.my

PEJABAT PERHUBUNGAN PERUSAHAAN MUAR

Tingkat 3, Bangunan
Kementerian Sumber Manusia,
Jalan Othman,
84000 Muar, Johor
☎: 06 9521116
✉: jppmmua@mohr.gov.m

JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN KELANTAN

Tingkat 3, Wisma Persekutuan,
Jalan Bayam,
15536 Kota Bharu, Kelantan
☎: 09 7441 144
☎: 09 7461 355
✉: jppmkel@mohr.gov.my

JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN SABAH

Tingkat 4, Blok C, Bangunan
KWSP, Peti Surat 11304,
88814 Kota Kinabalu, Sabah
☎: 088 270 369
☎: 088 270 368
✉: jppmsab@mohr.gov.my

JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN PAHANG

Tingkat 7, Wisma Persekutuan,
Jalan Gambut,
25532 Kuantan, Pahang
☎: 09 5164 785
☎: 09 5165 352
✉: jppmpah@mohr.gov.my

JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN SARAWAK

20-01 & 20-02, Aras 20,
Somerset Gateway Kuching,
No. 9, Jalan Bukit Mata, 93100
Kuching, Sarawak
☎: 082 418 112
☎: 082 419 121
✉: jppmsar@mohr.gov.my

JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN KEDAH / PERLIS

Aras 5, Zon B, Wisma
Persekutuan, Pusat
Pentadbiran
Kerajaan Persekutuan, 06550
Bandar Muadzam Shah, Kedah
☎: 04 7307 535
☎: 04 7321 026
✉: jppmked@mohr.gov.my

AHLI SIDANG REDAKSI

- 1 Ahli**
Nur Ruzaini binti Jamaludin
- 2 Ahli**
Muhammad Ridzwan bin Ramlan
- 3 Ahli**
Suriza binti Sulaiman
- 4 Ahli**
Nor Sharina binti Mohamad Aziz
- 5 Ketua Sidang Redaksi**
Dedua Anak Taim @ Tiam
- 6 Ahli**
Sharin Imran bin Bakri
- 7 Ahli**
Balqis Salwa binti Mohd Bahar
- 8 Ahli**
Azmi a/l Harun
- 9 Ahli**
Junaidah binti Tukiman







JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN MALAYSIA
(KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA)

Aras 9, Blok Setia Perkasa, Kompleks Setia Perkasa,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62530 W.P. Putrajaya

Tel: 03-8886 5460 Faks: 03-8889 2355

Emel: jppm@mohr.gov.my

Laman Web: jpp.mohr.gov.my

